

JAWAPAN

MODUL PEMBELAJARAN ABAD KE-21

Aktiviti 6: Campur dan Padan (*Mix and Match*)

Cadangan Jawapan

Kesimpulannya, sudah terang lagi bersuluh terdapat banyak kebaikan jika kita mengamalkan amalan kitar semula di negara kita. Secara tidak langsung hal ini akan menjadikan negara kita akan bebas daripada sebarang pencemaran dan kehidupan rakyatnya akan menjadi lebih harmoni. Sehubungan dengan itu, aktiviti kitar semula ini juga perlulah dijalankan oleh pihak yang bertanggungjawab secara berterusan di seluruh pelosok negara dan bukanlah sekadar hangat-hangat tahi ayam sahaja. Oleh itu, semua pihak mestilah berganding bahu dan bersikap bagi aur dengan tebing untuk menjalankan aktiviti kitar semula ini.

Aktiviti 8: Saya Lihat, Saya Berfikir, dan Saya Bertanya (*I See, I think, and I Wonder*)

Cadangan Jawapan

Isi tersurat

- Banyak tempat menarik yang dapat dikunjungi di Malaysia seperti Menara Berkembar Petronas, Dataran Merdeka, Taman Mini Malaysia & Mini Asean, dan lain-lain lagi
- Malaysia terkenal dengan pantainya yang cantik dan pasirnya yang putih
- Negara kita mempunyai banyak tempat menarik untuk diteroka seperti Gunung Kinabalu, Gunung Tahan, Taman Negara, dan sebagainya
- Banyak tempat bersejarah untuk dilawati di Malaysia seperti Menara Condong di Perak, A' Famosa di Melaka, Bangunan Sultan Ibrahim di Kuala Lumpur, dan sebagainya

Isi tersirat

- Menambahkan pengetahuan tentang tempat-tempat yang menarik di Malaysia
- Meningkatkan sumber pendapatan negara
- Meningkatkan imej negara
- Keunikan budaya di Malaysia menjadi tarikan pelancong antarabangsa untuk melancong

Aktiviti 9: Stesen Berputar (*Rotating Station*)

Cadangan Jawapan

Soalan:

Kesihatan amat penting dalam kehidupan kita. Berikan pendapat anda tentang langkah-langkah untuk menjaga kesihatan diri.

Stesen 1: Pendahuluan bentuk Persoalan

Kesihatan amat penting dalam kehidupan kita sehari-hari. Dengan memiliki tubuh badan yang sihat, seseorang dapat melaksanakan aktiviti harian tanpa halangan. Bagi sesetengah orang, nikmat kesihatan hanya disedari apabila mereka diserang penyakit. Persoalannya, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk menjaga kesihatan diri?

Stesen 2: Pendahuluan bentuk pandangan tokoh

Seorang tokoh politik bernama Arlen Specter pernah berkata, "tidak ada yang lebih penting daripada kesihatan yang baik, itulah aset utama kita". Kata-kata ini menunjukkan betapa pentingnya seseorang individu untuk menjaga kesihatan diri. Kesihatan merupakan aset utama kerana dengan memiliki tubuh badan yang sihat, seseorang dapat melaksanakan aktiviti harian tanpa halangan.

Stesen 3: Pendahuluan bentuk puisi

Kesihatan diri tiada ganti,
Apabila sekali pergi sukar kembali,
Wang sekalipun tidak dapat membeli,
Kesihatan diri tanggungjawab sendiri,
Jagalah kesihatan anda dengan baik sekali.

Stesen 4: Pendahuluan bentuk peribahasa

Kesihatan merupakan anugerah Tuhan yang tidak termilai. Sudah semestinya setiap individu menginginkan tahap kesihatan yang baik buat diri masing-masing. Namun begitu, pelbagai penyakit kini semakin berleluasa malah ada yang menyebabkan kematian. Peribahasa ada menyebut lebih baik mencegah daripada mengubati. Oleh itu, setiap individu perlu mengambil langkah yang efektif dalam menjaga kesihatan diri.

Aktiviti 10: Sembang Kedai Kopi (*Coffee Talk*)

Cadangan Jawapan

Punca-punca kemiskinan

- Peningkatan kos sara hidup
- Pendapatan yang diterima tidak mencukupi
- Mengganggu atau tiada pekerjaan yang tetap
- Jumlah tanggungan ahli keluarga yang agak banyak

Langkah mengurangkan kadar kemiskinan

- Memberikan bantuan zakat atau sumbangan kebajikan
- Memberikan peluang pekerjaan
- Meningkatkan pendapatan perkapita rakyat
- Menurunkan harga barang dan banyak memberikan subsidi kepada rakyat

Aktiviti 13: Aktiviti Berempat (*Quadrant Activity*)

Cadangan Jawapan

Usaha-usaha Melestarikan Alam Sekitar

Idea yang dipersepujui:

- Penanaman pokok semula
- Mengadakan aktiviti kitar semula
- Mengadakan kempen cintai alam sekitar
- Mengamalkan amalan hijau

Aktiviti 15: Baca dan Tanda (*Read and Highlight*)

Cadangan Jawapan

Isi tersurat:

- Setiap pengadu atau penyulur maklumat dilindungi oleh Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Seksyen 7, 8 dan 9) dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Seksyen 65(1) (2)
- Pemberi maklumat yang telah mendedahkan perlakuan tidak wajar termasuk rasuah atau salah guna jawatan kepada SPRM atau penguat kuasa lain diberi perlindungan maklumat sult, kekebalan daripada tindakan sivil atau jenayah atau tindakan tatateribit, dan perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan.
- Maklumat yang perlu dilaporkan adalah tentang kesalahan yang dilakukan, tarikh kejadian, waktu kejadian, tempat, transaksi dan saksi kejadian.
- Sebarang aduan boleh dilakukan melalui nombor dan alamat yang tertera

TEMA 1: Suluh Masa Depan

Modul PBD Praktis DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

- 1 Kita mestilah mempunyai keazaman yang tinggi untuk mencapai **kejayaan** dalam kehidupan.
- 2 "Janganlah kamu berasa **putus asa** setelah kamu menerima dugaan seperti ini," nasihat ibu kepada abang.
- 3 Tanpa usaha yang gigih, kamu tidak akan berjaya untuk mencapai matlamat tersebut kerana **usaha itu tangga kejayaan**.
- 4 **Keyakinan diri** yang tinggi amat penting untuk berhadapan dengan khalayak ramai.

- 5 Pihak sekolah sentiasa menggunakan pendekatan yang **sistematik dan konsisten** untuk menangani kes buli dalam kalangan murid.
- 6 Kempen tersebut mestilah dilaksanakan secara berterusan, bukan sekadar **hangat-hangat tahi ayam sahaja**.

B. Mendengar dan Bertutur

- 1 Apakah perkara yang tergambar dalam minda kamu mengenai pendidikan?
 - Hal yang dibayangkan dalam fikiran tentang perihal mendidik.
- 2 Baiklah, sebenarnya dunia pendidikan tidak mempunyai lingkungan yang khusus.
 - Sesungguhnya, perkara yang berkaitan dengan pendidikan tidak mempunyai sempadan yang tertentu.
- 3 Hal ini dikatakan demikian kerana pendidikan merupakan faktor utama untuk membentuk peribadi manusia.
 - Perihal mendidik merupakan unsur utama dalam usaha membentuk sikap seseorang.
- 4 Bak kata pepatah, bagaimana acuan begitulah kuihnya, bagaimana contoh begitulah gubahannya.
 - Anak menurut baka ibu bapanya, sesuatu itu menurut asalnya.

C. Membaca

- 1 merealisasikan – menjadikan kenyataan
- 2 akademik – bersifat ilmu pengetahuan
- 3 sahsiah – keperibadian
- 4 ilmu – pengetahuan tentang perkara dunia, akhirat, zahir, batin, dan lain-lain
- 5 inisiatif – daya usaha
- 6 intensif – dengan giatnya dan sungguh-sungguh
- 7 intelek – golongan cerdik pandai
- 8 wadah – saluran
- 9 serius – sungguh-sungguh
- 10 menggembung – menyatakan

Aktiviti PAK-21: Meja Bulat (Round Table)

Cadangan Jawapan

Idea murid 1: Masyarakat Orang Asli banyak terdapat di kawasan Semenanjung Malaysia. Masyarakat ini terdiri daripada beberapa etnik utama, iaitu Senoi, Negrito, Jahut, Semai, Bateq, Temetong, dan Melayu Proto. Setiap etnik tersebut mempunyai dialek tersendiri.

Idea Murid 2: Masyarakat orang Asli menjadikan kawasan hutan sebagai tempat untuk mereka mencari rezeki seperti gaharu, rotan, ubat-ubatan herba, dan kegiatan pemburuan.

Idea Murid 3: Masyarakat Orang Asli gemar memasak makanan tradisional mereka seperti nasi, ikan, ayam, ubi kayu, ubi gadung serta ubi jaga di dalam buluh.

Idea Murid 4: Di Malaysia, tanggungjawab mengurus tanah adat, kemajuan, kebijakan dan hal ehwal Orang Asli diletakkan di bawah Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia.

D. Menulis

- 1 tapai – pengangan yang dibuat daripada beras pulut atau ubi kayu yang dimasak dan dicampur ragi
- 2 disogokkan – dikemukakan untuk menerima
- 3 sinonim – kata-kata yang sama atau yang hampir sama makna
- 4 loghat – bahasa daerah
- 5 sekolah menengah – sekolah daripada tingkatan satu hingga tingkatan enam
- 6 alah bisa tegal biasa – apabila telah biasa melakukannya, maka tiada terasa lagi kesukarannya
- 7 ironi – keadaan atau kejadian yang menunjukkan pertentangan
- 8 bertanah gambut – tanah lembut yang bercampur dengan tumbuh-tumbuhan yang reput

E. Tatabahasa

- 1 sekolah
- 2 jajahan

- 3 elit
- 4 kerabat
- 5 nasionalisme
- 6 anak
- 7 graduan
- 8 tempatan
- 9 sukan
- 10 ragbi

TEMA 2: Bersih Selalu, Sihat Sentiasa

Modul PBD Praktis DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

Cadangan Jawapan

Langkah-langkah persiapan diri dalam menuju peperiksaan PT3:

- 1 Belajar cara untuk mengatasi tekanan perasaan
- 2 Bersikap tenang dan sentiasa fokus
- 3 Susun jadual pembelajaran yang sistematis dan dapat diikuti
- 4 Belajar dalam persekitaran yang menyeronokkan
- 5 Jauhkan diri daripada perkara yang mampu merosakkan emosi dan ketenangan
- 6 Pastikan hala tuju yang konsisten tentang masa depan mereka
- 7 Sentiasa menjaga kesihatan diri
- 8 Memperbanyak amalan kerohanian yang dapat memberikan ketenangan

Aktiviti PAK-21: Kerusi Panas (Hot Seat)

Cadangan Jawapan

Murid 1: Apa itu stres?

Pakar psikologi: Stres merupakan tindak balas fizikal (badan), emosi (perasaan), mental kepada sebarang perubahan

Murid 2: Adakah stres sesuatu yang bahaya terhadap diri seseorang?

Pakar psikologi: Sebenarnya begini, tahap stres terbahagi kepada tiga. Oleh itu, stres yang sedikit atau sederhana adalah baik dan dapat menjadi faktor pendorong atau motivasi kepada individu untuk meningkatkan produktiviti. Walau bagaimanapun, stres yang berada pada tahap yang lebih tinggi untuk jangka masa panjang dan tidak dapat ditangani akan menyebabkan kesan negatif. Kesannya, stres memudaratkan kesihatan serta meningkatkan risiko terhadap penyakit.

Murid 3: Bagaimanakah tingkah laku individu yang mengalami stres?

Pakar psikologi: Seseorang yang mengalami stres akan sering lupa dan sukar untuk fokus apabila melakukan sesuatu, mengalami masalah sukar untuk tidur pada waktu malam, emosi tidak stabil, sakit kepala, mudah gelisah, dan akan diserang penyakit jantung.

B. Mendengar dan Bertutur

- 1 memuja – menyanjung diri berlebih-lebihan
- 2 berswafoto – mengambil gambar kendiri
- 3 budaya – keseluruhan cara hidup
- 4 obsesi – keadaan terlalu memikirkan
- 5 media sosial – media yang digunakan terus secara talian dengan membolehkan para pengguna untuk menyertai, berkongsi, dan mencipta isi meliputi blog, rangkaian sosial, wiki, forum, dan dunia virtual dengan mudahnya
- 6 memuat naik status – menulis sesuatu berkenaan diri
- 7 harga diri – maruah
- 8 terperangkap – terperdaya

C. Membaca

- 1 Ayat Tunggal – Air sungai sejuk.
- 2 Ayat Majmuk – Beluntung mendengar dengan hati-hati setiap patah perkataan yang diucapkan oleh gurunya.

- 3 Ayat Susunan Songsang – Tidak lama kemudian gurunya muncul.
- 4 Monolog dalaman – Aku mesti lulus dengan cemerlang, bisik hatinya.
- 5 Bahasa kiasan – Jika datang anginnya.

D. Menulis

- mengeluarkan sisa metabolisme tubuh dan pada masa yang sama mengawal suhu badan
- bau yang tidak enak apabila diuraikan oleh bakteria
- tidak berfungsi dengan betulnya akan menyebabkan toksin kekal dalam tubuh
- mengambil makanan berempah
- masalah pada sistem tubuh badan
- perubahan bau badan yang ketara
- faktor genetik dan kelenjar yang sangat aktif
- yang tiada pengedaran udara sempurna dalam tempoh yang lama
- tempat bakteria dapat membiak

E. Seni Bahasa

Rangkap pertama hingga kelima seloka “Santap Istiadat” banyak menonjolkan maksud tersirat. Antaranya termasuklah kepentingan mengamalkan adab sopan bagi masyarakat Melayu dahulu. Mereka akan sentiasa memastikan kesopanan diamalkan pada setiap ketika. Hal ini dikatakan demikian kerana sungguhpun makan itu penting untuk mengenyangkan perut, aturan dalam kehidupan tetap harus dipatuhi. Hal ini bertepatan dengan pepatah Melayu, hidup dikandung adat, mati dikandung tanah.

F. Tatatabahasa

Kata Pinjaman	Makna	Contoh Ayat
1 akut	berkenaan penyakit yang muncul dengan tiba-tiba, teruk keadaannya, dan agak singkat tempohnya	Rawatan awal ubat semburan diberikan di jabatan kecemasan bagi mengatasi masalah serangan asma yang akut .
2 insomnia	keadaan tidak dapat tidur atau sukar hendak tidur	Gejala insomnia biasanya ditandai dengan munculnya gangguan berbentuk fizikal ataupun mental seperti sakit kepala, tubuh lemas, sukar bernafas, berhalusinasi, mudah tersinggung, dan lain-lain.
3 kualiti	peringkat kebaikan atau nilai sesuatu, biasanya tinggi	Bagi mendapatkan kualiti hidup yang tinggi, kita perlu bijak untuk mencorakkan kehidupan.
4 kanser	penyakit ketumbuhan yang berbahaya di dalam atau di luar badan yang disebabkan oleh pertumbuhan tisu yang tidak normal dan dapat merebak ke bahagian lain	Tubuh Azlina semakin kurus akibat penyakit kanser yang dihidapinya selama bertahun-tahun.
5 penghidap	orang yang menghidap sesuatu penyakit	Penghidap demam Denggi berdarah yang tidak dirawat dengan segeranya dapat menyebabkan kematian.

6 racun	bahan yang berbisa dan boleh mematikan atau membawa maut	Petani menggunakan racun serangga untuk mengelakkan sayur-sayuran dimakan oleh ulat.
7 virus	sejenis kuman yang lebih halus daripada bakteria yang boleh menyebabkan penyakit pada manusia, haiwan, atau tumbuhan	Demam Denggi merupakan sejenis penyakit yang disebabkan oleh jangkitan virus Denggi.
8 yoga	satu sistem menenangkan fikiran	Salah satu cara untuk menenangkan fikiran adalah dengan melakukan senaman yoga .

TEMA 3: Kecerdasan Meningkat, Keterampilan Memikat

Modul PBD Praktis DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

SUKAN LASAK	
Terjun Lelabah	Tembak Bebola Cat
1 Diperkenalkan sekitar tahun 1980-an.	1 Diperkenalkan pada tahun 1981.
2 Aktiviti terjun dari tempat yang tinggi dengan memakai getah berlubang nilon yang panjang dan dipasang pada bahagian buku lali.	2 Menggunakan alat penembak yang dipanggil marker untuk menembak pemain lain dengan menggunakan peluru.
3 Kadar kemalangan dalam sukan lasak ini terlalu tinggi dan amat mengerikan.	3 Tidak ada peraturan tertentu.
4 Kesilapan yang sering mengakibatkan kemalangan ialah para penerjun menggunakan tali yang terlalu panjang.	4 Topeng muka tidak boleh ditanggalkan selagi pemain masih di padang.

B. Mendengar dan Bertutur Sukan Polo

- 1 Sejenis permainan bola di atas padang
- 2 Dimainkan dengan menggunakan kayu pemukul sambil menunggang kuda
- 3 Sukan yang tertua di dunia
- 4 Terdiri daripada empat orang pemain berkuda
- 5 Memegang pemukul dengan tangan kanan semasa bermain
- 6 Mendapat markah apabila memukul bola ke dalam gawang pasukan lawan

C. Membaca Kecederaan semasa Bersukan Sebab

- 1 Tidak memakai kasut yang sesuai
- 2 Tidak memanaskan badan sebelum bersukan
- 3 Bersukan semasa keletihan

Akibat

- 1 Menyebabkan kaki terkehel atau terseliuh
- 2 Menyebabkan kecederaan otot
- 3 Menyebabkan seseorang itu pitam atau pengsan

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

- 1 Dapat menyihatkan tubuh badan

- 2 Dapat mencerdaskan minda
- 3 Dapat mengisi masa lapang dengan perkara yang berfaedah
- 4 Dapat mengeratkan hubungan perpaduan

D. Menulis

Pada pendapat saya, terdapat pelbagai langkah yang dapat dilakukan untuk meningkatkan mutu sukan negara. Antara langkah tersebut termasuklah pihak yang terlibat dengan program pencarian bakat pemain baharu perlu memperluas usaha itu ke seluruh pelosok negara. Hal ini penting bagi memudahkan mereka mendapatkan pelapis-pelapis baharu untuk menceburkan diri dalam pelbagai bidang sukan di negara kita.

Selain itu, pihak kerajaan perlulah menyediakan kemudahan sukan bertaraf antarabangsa. Antaranya termasuklah menyediakan padang bola yang luas dan selesa, stadium yang dilengkapi dengan kemudahan yang canggih, peralatan sukan yang canggih, dan sebagainya. Dengan berbuat demikian, para atlet akan berasa lebih bersemangat untuk menjalani latihan sukan.

Seterusnya, pihak kerajaan perlulah mengupah jurulatih yang lebih berpengalaman dalam acara sukan yang tertentu. Hal ini penting supaya para atlet dapat mempraktikkan teknik-teknik yang betul dalam acara sukan yang akan dipertandingkan.

Akhir sekali, insentif atau ganjaran yang tinggi perlu diberikan kepada para atlet. Hal ini dikatakan demikian kerana usaha ini secara tidak langsung dapat mendorong para atlet untuk terus meningkatkan mutu sukan negara dan menjadikan sukan sebagai suatu kerjaya.

Aktiviti PAK-21: Pembentangan Hasil Sendiri (Presentation)

Cadangan Jawapan

Perbezaan antara Sukan Komanwel dengan Sukan Asia Tenggara

Sukan Komanwel (*Commonwealth Games* atau disingkatkan sebagai SUKOM) merupakan pelbagai acara sukan yang melibatkan atlet dari negara-negara Komanwel. Sukan ini akan diadakan empat tahun sekali. Manakala Sukan Asia Tenggara pula ialah sukan yang dikenal sebagai Sukan SEA merupakan sebuah temasya sukan yang membabitkan 11 buah negara Asia Tenggara. Sukan ini berada di bawah pimpinan Persekutuan Sukan Asia Tenggara dengan kerjasama Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) dan Majlis Olimpik Asia. Sukan ini diadakan dua tahun sekali.

E. Seni Bahasa

- 1 bagi cendawan tumbuh selepas hujan
- 2 tak kenal maka tak cinta
- 3 kalau takut dilambung ombak, jangan berumrah di tepi pantai
- 4 bagi aur dengan tebing
- 5 masa itu emas

F. Tatabahasa

- 1 Badan kita akan bertambah **sihat** jika kita sentiasa menjaga pengambilan makanan.
- 2 "Saya tidak menyangka bahawa saya mampu mendaki bukit yang agak **tinggi** ini," kata Siva kepada Rafiq.
- 3 Fendi dan rakan-rakannya **gigih** menjalani latihan bola sepak pada setiap petang.
- 4 "Laju sungguh atlet itu berlari," kata Damia kepada abangnya.
- 5 Ucapan perasmian oleh tuan pengetua disambut dengan tepukan yang **gemuruh** oleh murid-murid yang berada di padang itu.
- 6 Daniel merupakan murid yang paling **aktif** dalam bidang sukan di sekolahnya itu.
- 7 Otak kita akan menjadi lebih **cerdas** jika kita kerap melakukan aktiviti sukan.
- 8 Dalam permainan badminton, seseorang pemain itu perlu melakukan pergerakan yang **tangkas** untuk menguasai gelanggang secara biterusan.
- 9 Kita tidak digalakkan memakai kasut yang terlalu **ketat** ketika bersukan bagi mengelakkan kaki kita daripada cedera.
- 10 Jeritan para penonton di stadium itu sungguh **kuat** apabila pemain pasukan Harimau Malaya berjaya menjaringkan gol penyamaan buat pasukan Malaysia.

TEMA 4: Waspada Selalu!

Modul PBD Praktis DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

Afiq: Kumar, semalam saya membaca keratan akbar yang memaparkan berita tentang kadar jenayah siber yang direkodkan pada suku tahun pertama tahun ini.

Kumar: Apakah jenis jenayah siber yang kerap berlaku?

Afiq: Berdasarkan maklumat yang saya baca itu, antara jenayah siber yang kerap berlaku termasuklah pembulian, iaitu sebanyak 51 kes, penipuan 313 kes, dan spam 434 kes.

Kumar: Mengapa jenayah siber ini sangat berani melakukan jenayah?

Afiq: Mereka sangat berani melakukan jenayah kerana berasaskan tiadanya pemantauan daripada pihak berkuasa.

Kumar: Pada pendapat kamu, mengapa data-data peribadi kita begitu mudah untuk diceroboh?

Afiq: Pada pendapat saya, kebiasaannya individu yang tidak bertanggungjawab ini akan mencuri identiti pengguna lain menggunakan pelbagai perisian tanpa disedari pengguna. Dengan adanya kemudahan memuat turun perisian ke dalam komputer akan mengakibatkan pengguna Internet terutamanya di kafe siber lebih mudah terdedah kepada kebocoran maklumat peribadi.

Kumar: Oh, begitu rupa-rupanya! Kalau begitu, saya perlu lebih berhati-hati apabila menggunakan komputer di kafe siber supaya segala data peribadi saya tidak akan terdedah kepada penjenayah siber ini.

Afiq: Betul kata kamu itu. Kita hendaklah sentiasa berhati-hati. Maklumat-maklumat peribadi yang dicuri dapat mengundang kepada perbuatan jenayah seperti membuka akaun palsu, transaksi pinjaman wang yang tidak sah, dan pembelian barang dalam Internet tanpa pengetahuan pemilik akaun.

B. Membaca

Banyak kejadian kebakaran yang mengorbankan nyawa berpunca daripada kurangnya pengetahuan penghuni rumah tentang langkah-langkah untuk menyelamatkan diri apabila berlakunya kebakaran. Langkah pertama adalah dengan menutup semua laluan bagi mengelakkan asap dan api daripada merebak. Kemudian, hubungi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan segeranya. Sekiranya ruang udara dipenuhi asap, anda hendaklah bergerak dengan merangkak sebelum membuka pintu. Anda perlu merangkak keluar pada paras kepala setinggi kira-kira dua kaki dari aras lantai. Sebelum membuka pintu, pegang tombol atau daun pintu menggunakan belakang tangan. Jika terasa sejuk, buka pintu perlahan-lahan tetapi jika sebaliknya, gunakan pintu yang lain pula. Dalam masa yang sama, tutup semua laluan asap dengan menggunakan kain basah. Berikan isyarat kepada umum tentang lokasi anda. Anda dinasihatkan agar tidak naik ke bumbung bangunan kecuali apabila diminta oleh penyelamat. Hal ini bagi mengelakkan diri anda daripada terperangkap dalam kebakaran, seterusnya mengundang risiko maut akibat terhad asap tebal atau melecur. Kesimpulannya, sikap bertanggungjawab dengan menghadiri ceramah keselamatan kebakaran atau taklimat keselamatan kebakaran akan dapat menyelamatkan diri anda semasa berlakunya kejadian kebakaran.

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

- 1 Akibat pembersihan belukar bagi aktiviti penanaman semula
- 2 Masalah litar pintas
- 3 Membuang puntung rokok merata-rata
- 4 Melakukan pembakaran dengan sengaja, seperti perbuatan khianat

C. Menulis

Pendahuluan

Keperluan pembangunan negara – di sebaliknya masalah kemalangan jalan raya turut membelenggu pihak berwajib – sering mendapat perhatian rakyat – di warung-warung kopitiam mahupun di Dewan Parlimen – langkah-langkah untuk mengatasi masalah kemalangan perlu difikirkan – tiada kusut yang tidak dapat dileraiakan, tiada masalah yang tidak dapat diselesaikan

Isi-isi Penting

- (a) pihak berkuasa perlu menguatkuasakan undang-undang di jalan raya – pegawai trafik mengenakan kompaun terhadap pemandu yang melakukan kesalahan lalu lintas – nama pesalah lalu lintas disenaraihitamkan – menggantung lesen pemandu yang terbabit dalam kemalangan maut
- (b) pihak berkuasa perlu meningkatkan kemudahan infrastruktur – untuk keselamatan pengguna – orang ramai digalakkan menggunakan kenderaan awam – mengehadkan jumlah kenderaan – melarang penggunaan kenderaan yang melebihi 10 tahun di jalan raya
- (c) sekolah memainkan peranan untuk melahirkan pengguna jalan raya yang berhemah – menyelitkan elemen keselamatan jalan raya melalui mata pelajaran tertentu – menubuhkan Kelab Keselamatan Jalan Raya di sekolah
- (d) media massa memainkan peranan – program tentang aspek keselamatan jalan raya diuarkan melalui laman sesawang – iklan atau video berkaitan dengan tragedi kemalangan jalan raya – dipaparkan dalam rangkaian Internet

Penutup

tragedi kemalangan jalan raya – berlaku pada bila-bila masa – keluarga mangsa trauma berpanjang – semua pihak perlu memikul tanggungjawab – menggembangkan tenaga untuk mengurangkan kejadian tersebut – semoga mencapai tahap kemalangan sifar

D. Menulis

- 1 Cara untuk mengenal pasti penyakit tangan, kaki, dan mulut adalah melalui gejala yang ditimbulkan oleh penyakit ini, iaitu kanak-kanak dijangkiti demam, sakit tekak, luka atau ulser di dalam mulut, ruam di tapak tangan dan di tapak kaki, sakit kepala, dan hilang selera makan.
- 2 Pada pandangan saya, tindakan yang perlu dilakukan oleh ibu bapa setelah mengetahui anak mereka mengalami gejala penyakit tangan, kaki, dan mulut ialah mereka perlu membawa anak mereka berjumpa doktor dengan segeranya. Selain itu, ibu bapa mestilah sentiasa peka terhadap sebarang perubahan tingkah laku anak-anak. Akhir sekali, ibu bapa mestilah mengambil langkah-langkah yang berkesan supaya anak mereka dapat pulih seperti sediakala.

F. Seni Bahasa

Kesalahan Bahasa	Pembetulan
1 ke	di
2 sebab	kerana
3 pada	kepada
4 kepada	dengan
5 adalah	ialah
6 Seperti	Sebagai
7 sebagai	bagai/seperi
8 dengan	sejak
9 Minta	Jangan
10 bukan	tidak
11 tentang	oleh
12 akan	dengan

FOKUS KBAT

Pemahaman (KOMSAS – Puisi Tradisional)

- (i) Persoalan yang terdapat dalam seloka ialah adab sopan dan tertib ketika menjamu selera dalam sesuatu majlis. Selain itu, persoalan tentang masyarakat Melayu yang mengutamakan nilai kesopanan ketika makan dan minum. Seterusnya, kepentingan beradab sopan dan tertib ketika menjamu selera.
- (ii) Pada pendapat saya, kepentingan adat istiadat adalah untuk mengekalkan identiti masyarakat yang mengamalkannya supaya adat-istiadat tersebut tidak hilang ditelan zaman. Seterusnya, adat-istiadat dapat menunjukkan bahawa pentingnya peraturan dalam kehidupan.

TEMA 5: Dirgahayu Negaraku

Modul PBD Praktis DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

Pada pendapat saya, sememangnya pelbagai pihak perlu memainkan peranan bagi membantu meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda di negara ini. Antara pihak yang dimaksudkan termasuklah media massa, baik media cetak maupun media elektronik. Sebagai contoh, pihak media massa perlulah menyiaran rancangan yang bertemakan semangat kebangsaan secara lebih kerap lagi. Langkah positif yang dimainkan oleh pihak media massa ini diharapkan dapat memberikan keinsafan kepada generasi muda dan akhirnya timbul perasaan sayang akan negara sendiri.

Seterusnya, langkah pihak kerajaan untuk menyalurkan bantuan kepada pengusaha filem yang ingin menerbitkan filem berunsur penerapan semangat kebangsaan perlu kita sokong. Filem yang bakal ditayangkan kelak sekurang-kurangnya dapat membuka mata dan minda golongan muda tentang kesukaran orang-orang dahulu yang berjuang untuk membebaskan negara daripada belenggu penjajah.

B. Membaca

Bahan grafik di atas menunjukkan warna dan simbol yang terdapat pada Jalur Gemilang. Jalur Gemilang mempunyai empat warna utama, iaitu biru tua, kuning, merah, dan putih. Warna biru tua melambangkan perpaduan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India, dan kaum-kaum lain. Warna kuning pula melambangkan kedaulatan raja berpelembagaan serta mendokong dan menghormati lunas-lunas perlembagaan. Warna merah menunjukkan keberanian rakyat Malaysia untuk mengharungi pelbagai cabaran manakala warna putih melambangkan kesucian, keikhlasan, dan kesungguhan. Anak bulan pula melambangkan Islam sebagai agama rasmi negara. Selain itu, bintang pecah 14 melambangkan keanggotaan 13 buah negeri dan kerajaan persekutuan, iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan, dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Akhir sekali, setiap rakyat mestilah mengetahui warna serta simbol yang terdapat pada Jalur Gemilang agar perpaduan semakin utuh dan kehidupan masyarakat sentiasa harmoni.

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

Tokoh pejuang kemerdekaan

- Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
- dilahirkan pada 8 Februari 1903 di Alor Setar, Kedah
- meninggal dunia pada 6 Disember 1990 di Kuala Lumpur
- Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu dari tahun 1955
- Perdana Menteri pertama sejak kemerdekaan negara pada tahun 1957 sehingga 1970
- Pembentukan Malaysia pada tahun 1963 merupakan salah satu daripada pencapaianya yang teragung
- Digelar sebagai “Bapa Kemerdekaan” dan “Bapa Malaysia”

C. Membaca

Berdasarkan kedua-dua puisi di atas, pengajaran yang dapat diperoleh ialah kita hendaklah sentiasa bersyukur atas keamanan dan kemakmuran negara yang telah dikehendaki hasil jasa dan pengorbanan nenek moyang kita. Selain itu, kita hendaklah memupuk semangat patriotik dalam diri dengan memberikan sumbangan kepada negara yang tercinta. Pengajaran yang seterusnya ialah kita perlulah mengambil ikhtiar daripada peristiwa sejarah supaya negara kita tidak dijahat semula. Akhir sekali, kita mestilah sentiasa bersatu padu agar masyarakat sentiasa harmoni dan aman sejahtera.

D. Menulis

Penerimaan masyarakat terhadap lagu-lagu patriotik dilihat semakin hambar dari tahun ke tahun. Hal ini disebabkan oleh semangat patriotisme yang semakin pudar dalam kalangan rakyat. Oleh itu, pihak kerajaan perlu merancang langkah-langkah untuk meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat.

Antara langkah yang dapat dilakukan termasuklah ibu bapa perlulah memainkan peranan penting dengan menanamkan kesedaran tentang pentingnya semangat patriotisme kepada anak-anak. Hal ini demikian kerana anak-anak dibaratkan seperti

sehelai kain putih, ibu bapalah yang akan mencorakkannya. Ibu bapa dapat memupuk semangat patriotisme dalam diri anak-anak dengan mengajak anak-anak menyambut Hari Kebangsaan yang diadakan pada setiap tahun. Hal ini dikatakan demikian kerana pelbagai acara akan diadakan sempena berlangsungnya sambutan Hari Kebangsaan tersebut.

Selain itu, pihak sekolah perlulah merancang pelbagai aktiviti yang menarik semasa sambutan Bulan Kebangsaan. Penganjuran aktiviti seperti pertandingan mendeklamasi sajak dan sebagainya akan dapat memupuk sifat mencintai negara dalam kalangan murid. Tegasnya di sini, pihak sekolah seharusnya perlu menggiatkan usaha dalam merancang program bermanfaat yang dapat memupuk semangat patriotisme dalam kalangan murid. Oleh itu, usaha untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda perlu dilakukan sejak mereka di bangku sekolah lagi.

Seterusnya, pihak kerajaan perlu memupuk semangat patriotisme dalam kalangan murid melalui penerapan unsur patriotik dalam kurikulum sekolah rendah dan menengah. Penerapan unsur patriotik dapat dilaksanakan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Sejarah, atau Pendidikan Moral. Perkara ini sekali gus akan dapat mengukuhkan perpaduan antara kaum sejak di bangku sekolah lagi. Tak kenal maka tak cinta maka setiap kaum perlu mengenali budaya serta memahami prinsip agama kaum lain melalui subjek-subjek yang diajarkan di sekolah.

Langkah yang terakhir ialah pihak kerajaan hendaklah mengadakan kempen secara besar-besaran di media massa dan di media sosial. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat pada hari ini banyak terdedah dengan kemajuan teknologi maklumat. Oleh itu, pihak kerajaan perlulah merebut peluang yang ada untuk menyeru rakyat supaya sentiasa menjaga keamanan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan adanya ledakan kemajuan teknologi, rakyat akan lebih mudah percaya kepada berita-berita yang tidak benar dan hal-hal yang dapat menggugat keamanan negara.

Tuntasnya, pelbagai langkah untuk memupuk semangat patriotik dalam kalangan masyarakat perlulah dijalankan secara konsisten. Pelaksanaan langkah-langkah tersebut mampu melahirkan warganegara yang cinta akan negara dan bermanfaat kepada bangsa, agama dan negara.

E. Tatabahasa

- 1 Adriana dan Kien Yin akan menyertai pertandingan syarahan sempena sambutan Hari Kebangsaan pada minggu hadapan.
- 2 "Wah, sungguh banyak murid tingkatan tiga yang menyertai acara perbarisan pada tahun ini!" kata Fariz kepada David.
- 3 Bagaimakah cara untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan murid di sekolah?
- 4 Minta tuan-tuan bersabar sebentar sementara menunggu nama dipanggil oleh petugas.
- 5 "Hatta, kesemua wakil negeri pulang ke negeri masing-masing setelah perundingan itu tamat," kata bendahara kepada laksamana.
- 6 Pertandingan Pidato Piala Kementerian Pendidikan Malaysia itu akan diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun ini.
- 7 Untuk pengetahuan kamu, pencipta asal Jalur Gemilang ialah Mohamed bin Hamzah.
- 8 Pelbagai persembahan kebudayaan diadakan pada tahun ini sempena sambutan Hari Kebangsaan.

TEMA 6: Integriti Tinggi, Sahsiah Terpuji

Modul PBD Praktis DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

- 1 berita palsu
- 2 mengesahkan perkara tersebut
- 3 kesahihan berita tersebut
- 4 rujukan serta carian di Internet
- 5 yang tidak benar kepada masyarakat
- 6 disebarluaskan tanpa usul periksa
- 7 pihak yang telah dianiyaya
- 8 anggota masyarakat yang berintegriti
- 9 mencari kesahihan sesuatu berita dahulu
- 10 menyebarkan sesuatu maklumat

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

Cadangan Jawapan

Cara-cara mengesas berita palsu

- 1 Sentiasa ragu-ragu akan tajuk berita dan menyiasat akan sumbernya
- 2 Format berita yang lain daripada kebiasaannya
- 3 Periksa tarikh
- 4 Nilaikan foto
- 5 Buat pemeriksaan bukti
- 6 Lihat laporan-laporan lain
- 7 Fikirkan kebarangan berita itu suatu jenaka

B. Membaca

Untuk menjadi manusia yang berintegriti, seseorang individu itu perlu menjadi manusia yang bermoral dan beretika dalam setiap aspek kehidupan. Dalam aspek pentadbiran sebuah organisasi, setiap pekerja itu perlulah mempunyai integriti yang tinggi bagi memastikan sikapnya itu tidak mencemarkan organisasi yang menjadi tempatnya mencari rezeki. Walau bagaimanapun, ada sesetengah individu yang telah merosakkan imej bidang pendidikan dengan melakukan perbuatan yang tidak bermoral, iaitu kes plagiarisme. Kesannya, kualiti sistem pendidikan negara telah dipertikaikan. Dalam pada itu, pemimpin yang tidak berintegriti akan mengakibatkan organisasi atau kumpulan manusia yang dipimpinnya dipersoalkan juga. Oleh itu, menjadi tanggungjawab kita bersama-sama untuk memperkasakan dan membudayakan amalan integriti dalam semua aspek kehidupan bagi memastikan negara kita sentiasa ditunjangi rakyat yang mempunyai integriti diri yang tinggi.

C. Menulis

1 Pendahuluan Jenis Definisi

Rasuah merupakan tindakan yang berbentuk pemberian untuk menumbuk rusuk, iaitu menyogok atau menyuar dalam bentuk wang. Rasuah secara amnya bermaksud sogokan atau secara konseptualnya bermaksud wang yang diberikan kepada pihak lain untuk mendapatkan sesuatu benda atau kontrak dengan mudahnya dan cepatnya tetapi salah di sisi undang-undang. Sekiranya gejala rasuah tidak diberikan perhatian yang wajar, hal ini akan menjadi penyakit dalam kalangan masyarakat.

2 Pendahuluan Jenis Pendapat Tokoh

"Secara umumnya, lebih tinggi rasuah yang ada, lebih kurang kemerdekaan yang dimiliki." Begitulah ungkapan yang pernah diluahkan oleh Profesor Diraja Ungku Aziz mengenai gejala rasuah yang dilihat semakin sinonim dengan masyarakat pada hari ini. Oleh itu, pelbagai langkah perlu dilaksanakan untuk menangani amalan rasuah dalam kalangan masyarakat pada hari ini.

3 Pendahuluan Jenis Persoalan

Rasuah merupakan jenisnya atau kesalahan undang-undang yang berlaku apabila seseorang mendapat kebebasan, kontrak atau keistimewaan selepas memberikan wang, hadiah, atau keraian kepada pihak-pihak tertentu. Pemberian rasuah jika tidak dibendung akan mengakibatkan masalah sosial yang banyak kerana undang-undang tidak akan dipatuhi dengan sepenuhnya. Persoalannya, apakah punca-punca yang menyebabkan gejala rasuah ini berlaku dan bagaimakah kita patut menangani isu ini?

4 Pendahuluan Jenis Peribahasa

Rasuah atau makan suap merupakan gejala yang sinonim dan sering menjadi buah mulut media massa mutakhir ini. Tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata. Media massa sering menyiarangkan pelbagai kes rasuah berprofil tinggi sebagai bukti bahawa isu ini semakin berleluasa dan mula menjadi barah dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Oleh itu, pelbagai langkah perlu dilaksanakan untuk menangani amalan rasuah dalam kalangan masyarakat pada hari ini.

E. Tatabahasa

- 1 merentasi
- 2 bermasalah
- 3 menghayati
- 4 menyimpang
- 5 menjelaskan
- 6 diambil

- 7 memerlukan
- 8 bergantung
- 9 dilaksanakan
- 10 menyuntik
- 11 meningkatkan
- 12 melihat
- 13 bertanggungjawab
- 14 dibentuk

TEMA 7: Persaudaraan Tanpa Sempadan

Modul PBD Praktis DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

- Afiq: Ibu, sebentar tadi Afiq menonton berita tentang keadaan banjir di kawasan selatan tanah air. Kebanyakam mangsa tinggal sehelai sepinggang di pusat pemindahan mangsa banjir. Afiq berasa kasihan apabila melihat keadaan mereka itu.
- Ibu: Benar, Afiq. Ibu turut bersympati akan nasib mereka yang kini menumpang teduh di pusat pemindahan mangsa banjir itu. Bak kata pepatah, berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul.
- Afiq: Ibu, Afiq berhasrat untuk meringankan beban yang sedang ditanggung oleh mereka. Bolehkah kita membantu mereka, ibu?
- Ibu: Ibu menyokong hasrat kamu itu. Mereka tentu kekurangan bekalan makanan dan keperluan asas di pusat pemindahan tersebut.
- Afiq: Afiq ingin memberikan sedikit wang simpanan Afiq kepada ibu supaya ibu dapat membeli barang keperluan untuk mangsa-mangsa banjir tersebut.
- Ibu: Baiklah, Afiq. Setelah ibu membeli barang tersebut, ibu akan menghantar barang-barang itu ke pusat pengumpulan barang bantuan untuk mangsa banjir yang berhampiran dengan kawasan perumahan kita.
- Afiq: Terima kasih, ibu.
- Ibu: Sama-sama, Afiq.

B. Membaca

- 1 (a) penduduk di sana dilanda bencana
(b) ekonomi negara itu lumpuh setelah dilanda bencana.
(c) sebagai jiran terdekat, kita patut menghulurkan bantuan kepada mereka
- 2 (a) mengumpulkan pakaian terpakai untuk dihantar ke sana
(b) menyumbangkan tenaga dengan menjadi sukarelawan di sana
(c) menyumbangkan wang kepada mana-mana pihak yang mengutip derma

D. Tatabahasa

- 1 bersama-sama – Pihak sukarelawan **bersama-sama** dengan pihak bomba ketika memindahkan mangsa-mangsa banjir itu ke pusat pemindahan.
- 2 adab-adab – Kita hendaklah mengetahui **adab-adab** ketika menziarahi pesakit.
- 3 negara-negara – Rakyat Malaysia sentiasa membantu **negara-negara** lain yang memerlukan bantuan kemanusiaan.
- 4 bantu-membantu – Kita hendaklah **bantu-membantu** supaya aktiviti gotong-royong dapat dilakukan dengan jayanya.
- 5 rakan-rakan – **Rakan-rakan** Jun Yen akan menyertai program sukarelawan yang dianjurkan oleh Persatuan Bulan Sabit Merah sekolah mereka.
- 6 berfikir-fikir – Tanpa **berfikir-fikir** lagi, Doktor Izyan dan beberapa orang rakannya terus bertolak ke Sulawesi untuk membantu mangsa-mangsa tsunami di sana.
- 7 berperingkat-peringkat – “Bantuan dari segi perubatan akan diberikan kepada mangsa gempa bumi itu secara **berperingkat-peringkat** mulai hari ini,” kata Doktor Haris kepada rakannya itu.
- 8 lama-kelamaan – “**Lama-kelamaan**, pergolakan politik yang melanda negara itu akan berakhir juga,” kata Encik Faiz kepada Encik Wong.
- 9 seikhlas-ikhlasnya – Hulurkan bantuan kamu **seikhlas-ikhlasnya** supaya golongan yang kurang bernasib baik ini akan berasa nasib mereka masih terbaik.

- 10 sebanyak-banyaknya – “Pelajarilah ilmu dengan **sebanyak-banyaknya** sepanjang kamu berada di sini untuk kebaikan kamu pada masa akan datang,” pesan Cikgu Amin kepada murid-muridnya.

TEMA 8: Subur Bahasa, Mekar Sastera

Modul PBD Praktis DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

Banyak faktor yang menyebabkan bahasa Melayu semakin dipinggirkkan oleh masyarakat kita. Antara faktornya termasuklah masyarakat kita lebih mengagung-agungkan bahasa asing. Hal ini terbukti apabila masyarakat kita pada hari ini lebih gemar berkomunikasi dengan anak-anak mereka menggunakan bahasa Inggeris. Selain itu, bahasa Melayu semakin dipinggirkkan kerana sebahagian remaja sering menggunakan bahasa rojak ketika mereka berkomunikasi antara satu dengan yang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka merasakan bahawa bahasa rojak lebih mudah dan selesa untuk dituturkan. Akhir sekali, kebanyakan pihak swasta lebih gemar memilih bahasa Inggeris yang dianggap lebih berdarjah tinggi berbanding dengan bahasa Melayu untuk digunakan dalam urusan surat-menyerat. Hal ini jelas membuktikan bahawa pihak swasta tidak cakna tentang kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

B. Mendengar dan Bertutur

- Shamita: Azwin, bolehkah kamu memberitahu saya tentang Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim?
- Azwin: Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim merupakan salah seorang tokoh dan cendekiawan tanah air yang aktif memperjuangkan kedaulatan bahasa Melayu.
- Shamita: Wah, rupa-rupanya beliau merupakan tokoh cendekiawan negara yang hebat!
- Azwin: Benar, Shamita. Walaupun beliau berpendidikan Inggeris, cinta beliau terhadap bahasa Melayu tidak pernah pudar.
- Shamita: Apakah maklumat lain yang kamu tahu tentang beliau, Azwin?
- Azwin: Berdasarkan maklumat yang saya peroleh, beliau banyak memberikan sumbangan tentang isu bahasa di tanah air kita. Beliau merupakan pakar rujuk bahasa di dalam negara dan di luar negara juga.
- Shamita: Oh, begitu! Tentu beliau menjadi idola kepada pencinta bahasa di luar sana.
- Azwin: Untuk pengetahuan kamu, beliau telah banyak memperoleh anugerah atas jasa dan sumbangan beliau ketika memperjuangkan bahasa Melayu di tanah air kita juga. Beliau berjaya menjadi wanita yang disegani oleh masyarakat kerana sungguhpun beliau berpendidikan Inggeris, namun kecintaan beliau terhadap bahasa Melayu tidak pernah pudar.

C. Membaca

Seperti yang kita ketahui, tulisan Jawi dahulunya merupakan salah satu medium komunikasi penting yang digunakan pada zaman sebelum dan selepas merdeka. Namun begitu, sejak belakangan ini, minat dan penguasaan masyarakat terhadap tulisan Jawi semakin luntur. Oleh itu, pelbagai langkah dapat kita lakukan untuk melestarikan tulisan tersebut semula. Antara usaha tersebut termasuklah pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan pihak sekolah perlulah berganding bahu untuk menjalankan kempen cinta akan tulisan Jawi di seluruh negara. Selain itu, pihak kerajaan hendaklah menggunakan tulisan Jawi pada papan tanda dan papan iklan. Seterusnya, tulisan Jawi ini hendaklah diperluas dalam penerbitan yang lain seperti buku cerita, risalah, logo, brosur, dan sebagainya. Tuntasnya, pelbagai usaha dapat dilakukan untuk memartabatkan tulisan Jawi ini.

D. Menulis

Intinya, banyak usaha yang dapat dilakukan oleh pihak swasta untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara kita. Tanpa usaha yang gigih daripada pihak swasta, matlamat kita untuk memartabatkan bahasa Melayu tidak akan tercapai, bak kata pepatah, kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.

E. Tatabahasa

- 1 "Murid-murid tingkatan tiga akan **menyertai** lawatan ke Muzium Terengganu pada minggu hadapan," kata Cikgu Wahida kepada Cikgu Rajan.
- 2 "Cikgu Haiza dan Cikgu Rusydi sedang menjalankan **pencarian** bakat untuk pasukan sketsa sekolah kita," kata Fariza kepada Ai Ling.
- 3 Para **peserta** mestilah membuat pendaftaran lebih dahulu sebelum masuk ke dalam dewan.
- 4 Saya tidak menyangka bahawa **kehadiran** murid untuk sesi uji bakat pada petang semalam sungguh memberangsangkan.
- 5 Pengurus majlis akan mengumumkan **keputusan** pertandingan berbalas pantun itu sebentar sahaja lagi.

FOKUS KBAT

Pemahaman (KOMSAS – Sajak)

- (i) Gaya bahasa yang terdapat dalam sajak "Kijang yang Lelah" ialah metafora. Contohnya, *dahan kalbu*. Selain itu, terdapat unsur gaya bahasa personifikasi. Contohnya, *Sebak menyentap dahan kalbu*. Gaya bahasa yang seterusnya ialah hiperbole. Contohnya, *Suara nyaringnya tidak lagi gah bergema*.
- (ii) Pada pendapat saya, hidupan liar semakin pupus kerana berlakunya penerokaan hutan secara berleluasa. Selain itu, terdapat permintaan yang tinggi terhadap hidupan liar di pasaran tempatan dan antarabangsa. Akhir sekali, kepupusan hidupan liar juga berpunca daripada aktiviti pemburuan haram yang menjadi-jadi di kawasan hutan.

TEMA 9: Indah Seni, Endah Budaya

Modul PBD Praktis DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

Yang berbahagia Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdullah, Pegawai Pendidikan Daerah, para juri yang arif lagi bijaksana, penjaga masa yang budiman, para guru, dan seterusnya warga dewan yang saya muliakan sekalian. Assalamualaikum dan salam sejahtera sebagai pembuka bicara.

Saudara saudari yang saya hormati sekalian,

Berdirinya saya di dalam dewan ini, tidak lain dan tidak bukan kerana ingin menyampaikan pidato yang bertajuk, "Langkah-langkah Mempopularkan Permainan Tradisional". Dalam era globalisasi ini, permainan tradisional mula dilupakan. Hal ini terjadi kerana pengaruh permainan moden seperti permainan video, permainan komputer, dan sebagainya berleluasa di pasaran. Oleh itu, usaha-usaha tertentu perlu diambil untuk mempopularkan permainan ini terutamanya kepada generasi muda.

Sesungguhnya, pelbagai langkah dapat dilakukan untuk mempopularkan permainan tradisional di negara kita. Antara langkah tersebut termasuklah ibu bapa disarankan supaya mengajak anak-anak bermain permainan tradisional di rumah pada waktu lapang. Hal ini penting supaya generasi kini dapat mengenali jenis-jenis permainan tradisional yang terdapat di Malaysia. Dengan cara ini, anak-anak dapat mewarisi warisan budaya yang semakin tenggelam dek arus zaman juga. Secara tidak langsung, masa lapang anak-anak di rumah dapat diisi dengan aktiviti yang berfaedah.

Selain itu, pihak sekolah sewajarnya mengadakan pertandingan permainan tradisional termasuklah pertandingan dam, congkak, batu seremban, terompah gergasi, dan sebagainya. Langkah ini boleh diterapkan semasa aktiviti kurikulum dijalankan di sekolah. Dengan cara ini, murid-murid akan berusaha untuk mempelajari cara-cara untuk bermain permainan tradisional supaya mereka berjaya dalam pertandingan yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Jelaslah bahawa dengan adanya pertandingan permainan tradisional ini di sekolah matlamat untuk mempopularkan permainan tradisional dapat dicapai.

Sidang warga dewan yang saya hormati,

Pihak Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia hendaklah mengadakan pesta permainan tradisional di seluruh negara. Hal ini dapat menarik perhatian rakyat untuk menyertai pesta tersebut. Langkah ini berupaya untuk mencungkil bakat-bakat baharu dalam mewarisi seni budaya ini. Hal ini penting agar permainan tradisional di negara kita ini tidak lapuk dek hujan, tidak lekang dek panas.

Akhir sekali, pihak kerajaan dan swasta hendaklah bekerjasama untuk memperkenalkan permainan tradisional seperti sepak raga, konda-kondi, congkak, dan gasing sebagai produk pelancongan. Dengan cara ini, permainan tradisional kita akan popular hingga peringkat antarabangsa. Oleh itu, jelaslah bahawa permainan tradisional bukan hanya perlu dipopularkan malah berpotensi untuk diketengahkan sebagai sukan antarabangsa.

Hadirin yang saya hormati,

Setelah wacana demi wacana tajuk pidato saya kupas, maka dapatlah saya memberikan rumusan bahawa dalam usaha untuk mempopularkan permainan tradisional, pihak yang berkenaan haruslah mengambil pelbagai langkah yang sesuai. Hal ini demikian kerana permainan tradisional dapat memberi seribu satu kebaikan kepada masyarakat dan negara.

Sekian, terima kasih.

B. Mendengar dan Bertutur

Marsha: Apakah yang sedang kamu baca di laman sesawang Kraf Tangan Malaysia itu, Erin?

Erin: Saya sedang membaca maklumat tentang Adiguru Kraf. Saya begitu tertarik dengan maklumat tentang Adiguru Kraf Anyaman Rotan ini.

Vidya: Oh, begitu! Bolehkah kamu menerangkan kepada saya maksud Adiguru Kraf itu, Erin?

Erin: Boleh, Vidya. Adiguru Kraf ialah seseorang yang diberi penghormatan dan pengiktirafan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia sebagai seorang tokoh setelah mereka menepati kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

Marsha: Erin, sebentar tadi kamu ada menyatakan bahawa kamu tertarik dengan Adiguru Kraf Anyaman Rotan, bukan? Siapakah nama Adiguru tersebut?

Erin: Benar, Marsha. Nama beliau ialah Encik Ishak bin Kassim.

Vidya: Mengapakah kamu tertarik kepada beliau?

Erin: Saya sungguh tertarik kepada beliau kerana beliau pernah menjadi naib johan dalam pertandingan kraf anyaman rotan anjuran Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) yang berlangsung di Kuala Lumpur pada tahun 2003. Selain itu, beliau telah berjaya menghasilkan produk Bakul Berkat yang telah dipamerkan sempena Promosi Kraf Malaysia di London pada tahun 2009. Sejak itulah beliau telah mendapat perhatian daripada pihak kerajaan Malaysia. Sehubungan dengan itu, beliau telah dilantik sebagai Adiguru Kraf Anyaman Rotan pada tahun 2011. Akhir sekali, saya amat kagum akan beliau kerana beliau tidak pernah jemu untuk menurunkan ilmu anyaman rotan kepada golongan muda yang berminat untuk mempelajarinya.

C. Menulis

Tamatun sesuatu bangsa selalunya dapat dilihat pada seni dan budayanya. Namun begitu, warisan seni dan budaya tradisional negara kita pada hari ini semakin lenyap ditelan arus pemodenan. Buktinya, seni hiburan seperti wayang kulit sudah digantikan dengan filem-filem berteknologi tinggi. Wayang-wayang pacak pula telah digantikan dengan pawagam-pawagam yang gah lagi hebat. Pelbagai langkah perlu dilaksanakan untuk mempertahankan seni budaya tradisional di peringkat antarabangsa.

Suatu ketika dahulu, muzik irama tradisional sering berkumandang di radio-radio. Malah, terdapat pertandingan muzik irama tradisional seperti kompong, hadrah, gamelan, dan dikir barat di peringkat antarabangsa. Lagu-lagu kategori irama tradisional seperti lagu "Cindai" dan "Joget Berhibur" nyanyian Dato' Siti Nurhaliza pernah juga menjadi siulan anak muda suatu ketika dahulu. Oleh itu, pihak kerajaan sewajarnya mengambil langkah membugarkan irama tradisional semula dengan mengadakan pertandingan lagu-lagu tradisional pada peringkat antarabangsa semula. Melalui usaha penganguran pertandingan irama tradisional pada peringkat antarabangsa ini minat masyarakat luar terhadap seni dan budaya negara kita dapat dipupuk.

Selain itu, agensi-agensi pelancongan atau kementerian pelancongan perlu menawarkan paket pelancongan merangkumi

elemen seni tradisional. Pakej-pakej pelancongan yang ditawarkan boleh meliputi persembahan seni wayang kulit, pertunjukan kompong atau gamelan serta tarian tradisional sesuatu suku kaum. Hal ini dapat menambahkan ilmu pengetahuan pelancong mengenai seni dan budaya yang terdapat di Malaysia. Pelancong dapat melihat sendiri keunikan budaya pelbagai kaum yang ada di Malaysia juga.

Seterusnya, usaha memartabatkan warisan seni budaya Malaysia akan tercapai dengan kewujudan sebuah muzium seni tradisional di setiap negeri. Muzium tersebut pula perlulah menganjurkan pelbagai pameran yang menarik sepanjang tahun. Muzium seni tradisional ini amat diperlukan untuk menelusuri sejarah kewujudan sesuatu bidang muzik, tarian, alat muzik, dan sebagainya. Hal ini dapat menarik pelancong dari negara luar untuk melihat sendiri keunikan seni dan budaya masyarakat Malaysia.

Langkah yang terakhir untuk memartabatkan seni dan budaya tradisional adalah dengan mewujudkan akademi atau fakulti seni tradisional masyarakat Malaysia di universiti luar negara. Melalui penawaran kursus-kursus seni tradisional ini, pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi berpeluang untuk mempelajari seni persembahan tradisional seperti gamelan, kompong, tarian klasik, dan sebagainya. Hal ini dapat meningkatkan pengetahuan mereka tentang seni tradisional dan memupuk rasa cinta terhadap warisan seni dan budaya negara kita. Irama muzik tradisional juga mampu berkembang dan tidak akan lenyap ditelan gelombang tsunami muzik baru.

Kesimpulannya, langkah-langkah untuk memartabatkan seni budaya di peringkat antarabangsa wajar dilaksanakan. Hal ini penting supaya seni dan budaya tradisional melayu tidak hilang ditelan zaman. Semua pihak perlu berganding bahu bagi aur dengan tebing untuk memartabatkan seni dan budaya tradisional kita. Bak kata pepatah, hati gajah sama dilapah hati kuman sama dicecah.

D. Seni Bahasa

- | | |
|---------------|--------------|
| 1 celotehmu | 5 halwa |
| 2 tempat | 6 berkhidmat |
| 3 sebaiknya | 7 pengajaran |
| 4 diingatanku | 8 tatapan |

E. Tatabahasa

- | |
|--------------------------------------|
| 1 sangat popular |
| 2 di negara kita |
| 3 para pelancong |
| 4 pameran seni permainan tradisional |
| 5 daripada rotan |
| 6 paling mudah |
| 7 menguji tahap kepintaran |
| 8 mempunyai bentuk |
| 9 di dalam hutan |
| 10 paling cepat |

TEMA 10: Sains dan Teknologi Pemacu Kemodenan Modul PBD Praktis DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

- | |
|------------------------------------|
| 1 membantu kehidupan manusia |
| 2 menyedut semua kotoran dan habuk |
| 3 menjadi lebih mudah |
| 4 yang bekerja bagi pihak manusia |
| 5 keupayaan robot sangat terhad |
| 6 tidak boleh digunakan |
| 7 menyenangkan suri rumah |
| 8 pembedahan mikro |
| 9 mencari maklumat terkini |
| 10 mampu untuk memilikinya |

B. Membaca

Pada pendapat saya, banyak kesan buruk yang akan berlaku jika kita mencipta robot yang dapat melakukan tugas manusia. Seperti yang kita sedia maklum, robot hanya boleh melakukan kerja yang telah diprogramkan. Hal ini dikatakan demikian kerana lama-kelamaan manusia akan hilang fungsiannya dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Identiti diri manusia itu akan semakin terhakis akibat perubahan gaya hidup yang berorientasikan sains dan teknologi semata-mata. Pada skala yang lebih besar pula, jenayah akan lebih mudah dilakukan tanpa kawalan. Sebagai contoh, menurut kajian di Amerika Syarikat,

beberapa jenis robot mudah digodam dan diubah suai untuk dijadikan pengintip serta dijadikan senjata yang dapat memudaratkan manusia. Terdapat robot yang dapat membunuh manusia jika diubah suai oleh individu yang mempunyai niat jahat juga.

C. Menulis

Seiring dengan kemajuan sains dan teknologi, terciptalah pelbagai alatan yang memudahkan urusan harian manusia. Bidang sains memberikan manfaat yang banyak kepada kehidupan manusia, namun kesedaran orang ramai, khususnya murid tentang perkara ini masih kurang. Sehubungan dengan itu, usaha untuk memupuk budaya sains dan teknologi dalam kalangan murid perlu dilakukan supaya lebih banyak cabang ilmu sains dapat diterokai.

Peranan daripada pelbagai pihak dapat membantu memupuk budaya sains dan teknologi dalam kalangan murid. Ibu bapa boleh memainkan peranan utama dengan memperkenalkan dunia sains dan teknologi kepada anak-anak. Ibu bapa boleh membawa anak-anak mengunjungi pameran sains dan teknologi yang sering diadakan. Tujuannya adalah untuk menanamkan minat anak-anak terhadap sains dan teknologi sejak awal lagi bak kata pepatah, melentur buluh biarlah dari rebungnya.

Pihak sekolah perlu memainkan peranan dengan memberikan galakan kepada murid untuk menceburi aliran sains. Guru mata pelajaran Sains hendaklah memberikan penekanan terhadap pembelajaran berdasarkan amali di samping penekanan terhadap teori. Murid akan lebih memahami sesuatu hipotesis dan teori melalui eksperimen yang dibuat. Usaha ini diperlukan dapat meningkatkan minat murid terhadap sains dan teknologi, sekali gus memupuk budaya sains dan teknologi dalam kalangan generasi muda hari ini.

Seterusnya, institusi pengajian tinggi pula hendaklah menawarkan lebih banyak kursus yang berkaitan dengan sains dan teknologi. Dengan itu, lebih banyak murid berpeluang untuk mengikuti pengajian dalam bidang tersebut. Pada masa yang sama, pihak institusi yang berkenaan hendaklah menyediakan kemudahan pembelajaran sains dan teknologi yang mencukupi untuk membolehkan murid mengikuti pengajian dengan berkesan. Di samping itu, insentif kepada murid yang cemerlang dalam bidang tersebut wajar diberikan sebagai pendorong agar murid berusaha untuk menguasai bidang tersebut.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan boleh menganjurkan pelbagai karnival dan kempen sains dan teknologi sama ada di peringkat sekolah, daerah atau negara. Pelbagai aktiviti boleh dijalankan sepanjang karnival seperti pertandingan pelancaran roket, bot solar, inovasi sains, peraduan menulis esei, pidato, melukis poster, dan mencipta puisi bertemakan sains dan teknologi. Kempen yang berterusan ini diyakini dapat memupuk budaya sains dan teknologi dalam kalangan generasi muda di negara ini.

Sesungguhnya, bidang sains dan teknologi banyak mendatangkan faedah kepada kehidupan manusia. Murid hendaklah memantapkan ilmu dalam bidang ini. Selain itu, semua pihak perlu memainkan peranan dalam memartabatkan bidang sains dan teknologi demi kemajuan negara.

D. Seni Bahasa

Kekuatan S (Strengths)	Kelemahan W (Weaknesses)
1 Watak terdiri daripada tiga kaum utama di Malaysia	1 Hanya menonjolkan satu kategori watak, iaitu murid
2 Terdapat unsur penyatuan bangsa melalui watak yang dipilih	2 Tidak menyatakan umur secara khusus
3 Terdapat pengajaran yang dapat dijadikan teladan, iaitu: <ul style="list-style-type: none">• kita hendaklah menyokong barang keluaran tempatan agar negara menjadi maju;• kita hendaklah cinta akan negara agar kehidupan lebih harmoni.	

Peluang O (Opportunity)	Ancaman T (Threats)
Menerapkan 3 nilai utama, iaitu: • nilai berdikari; • nilai berhemat; • nilai patriotisme.	1 Terdapat unsur tidak peka tentang kemajuan industri pembuatan negara kerana tidak tahu bahawa barang yang dijual merupakan barang buatan Malaysia 2 Banyak orang yang beranggapan bahawa barang buatan Malaysia tidak berkualiti

E. Tatabahasa

- 1 membebaskan tenaga
- 2 sesuatu penyakit
- 3 para doktor
- 4 untuk membunuh sel kanker
- 5 teknik membaja
- 6 yang lebih baik
- 7 larutan radioaktif
- 8 alat komunikasi
- 9 lebih murah
- 10 pembangunan negara

FOKUS KBAT

Pemahaman (KOMSAS – Prosa Tradisional)

- (i) Perkara yang dilakukan oleh Maharaja Indera Angkasa setelah anakanda baginda dilahirkan ialah baginda datang lalu menyambut anakandanya itu. Seterusnya, baginda memangku anakandanya serta dinamakannya sebagai Tuan Puteri Nila Kesuma.
- (ii) Nilai murni yang terdapat dalam prosa tradisional tersebut ialah nilai kasih sayang. Contohnya, kesemua inang pengasuh Maharaja Marakarma terlalu sayang kepada Maharaja Marakarma kerana baginda mempunyai paras rupa yang elok dan berbudi pekerti. Selain itu, terdapat nilai menghargai. Contohnya, Maharaja Indera Angkasa amat menghargai keputeraan anakandanya, iaitu Tuan Puteri Nila Kesuma dengan mengadakan sambutan secara besar-besaran.
- (iii) Pada pendapat saya, kelahiran Tuan Puteri Nila Kesuma disambut dengan sebegini meriah kerana baginda berasa sangat gembira mendapat seorang puteri. Selain itu, sambutan itu sebagai simbol raja berkedudukan tinggi yang tidak sama dengan rakyat biasa. Seterusnya, supaya rakyat jelata mengetahui akan keputeraan anakanda Maharaja Indera Angkasa di negeri tersebut.

TEMA 11: Alam Anugerah Terindah

Modul PBD Praktis DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

Pada pendapat saya, banyak punca yang menyebabkan peningkatan kematian hidupan liar. Antaranya termasuklah berlakunya penerokaan hutan secara berleluasa untuk tujuan pembangunan. Di samping itu, terdapat sesetengah pemburu yang gemar melakukan pemburuan haram. Hal ini berlaku demikian kerana kurangnya perasaan empati terhadap hidupan liar yang semakin terancam. Malah, mereka sanggup mencari keuntungan atas penindasan terhadap hidupan tersebut. Seterusnya, masalah pencemaran alam merupakan salah satu punca meningkatnya kematian hidupan liar juga. Hal ini banyak berlaku terhadap hidupan akuatik akibat daripada masalah pencemaran air. Perubahan suhu dunia turut menjadi pencetus masalah kepupusan hidupan liar. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat sesetengah hidupan liar yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan perubahan suhu tersebut. Jelaslah di sini bahawa banyak punca yang menyebabkan kematian hidupan liar di negara kita ini semakin meningkat.

B. Membaca

Pada pendapat saya, konsep bangunan hijau ini merupakan salah satu usaha yang baik untuk memelihara alam sekitar daripada terus

tercemar. Konsep bangunan hijau adalah satu konsep pembinaan yang bercirikan teknologi mesra alam. Hal ini dikatakan demikian kerana bangunan ini menggunakan sumber semula jadi secara efisien. Bangunan ini menggunakan tenaga solar sebagai sumber penghasilan. Selain itu, sistem penuaian air hujan digunakan untuk menyiram pokok-pokok yang terdapat di bangunan ini. Seterusnya, penggunaan barang-barang daripada bahan-bahan kitar semula turut diaplikasikan di bangunan tersebut. Kesannya, tahap kesihatan manusia tidak akan terjejas. Dalam masa yang sama, masalah peningkatan suhu dapat dikurangkan dan kos penyelenggaraan bangunan ini rendah juga. Kesimpulannya, konsep bangunan hijau ini perlulah diwujudkan di seluruh negara supaya kualiti alam sekitar kita sentiasa terpelihara.

C. Membaca

Tayar terbuang dapat diproses untuk dijadikan bahan asas untuk kegunaan industri pembuatan. Selain itu, tayar terbuang dapat dijadikan pasu bunga yang cantik dengan cara kita mengecatnya menggunakan warna-warna yang menarik. Tayar terbuang dapat diubah menjadi pasu yang lebih menarik juga. Seterusnya, sebuah taman bunga mini dapat dihasilkan juga. Yang menariknya, tayar terbuang dapat dijadikan kerusi atau kolam air untuk sebuah taman mini yang indah juga. Akhir sekali, tayar terbuang dapat digunakan sebagai tong sampah.

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

Kelebihan Kitar Semula

- Mengelakkan pencemaran alam sekitar
- Menjimatkan penggunaan sumber alam yang semakin berkurang
- Menyedarkan masyarakat tentang kepentingan mencintai alam sekitar
- Mengurangkan kuantiti sampah yang terdapat di negara kita

D. Menulis

Aku Anak Tani

Aku anak tani
walau tidak mewah harta
tetapi tetap rasa bahagia.

Aku anak tani
tanah lumpur yang hanyir
ikan-ikan yang berkejar-kejaran
menjadi permainan saban hari.

Aku anak tani
aku melihat ayah membanting sawah
aku melihat ayah menanam padi
namun kini,
teknologi moden mengubah kehidupan para petani.

Walaupun aku hanya anak tani
aku mahu belajar sungguh-sungguh
sehingga aku berjaya
menggenggam segulung ijazah
aku mahu membanggakan ayah dan ibu
aku mahu membuktikan
anak tani boleh berjaya juga.

E. Tatabahasa

- 1 – Kami mandi-manda di air terjun itu.
– Kami masuk ke dalam khemah.
- 2 – Datuk tetap meneruskan usaha mencabut rumput di tepi sawah.
– Sudah keletihan.
- 3 – Pemuda itu ditahan.
– Pemuda itu disyaki terlibat dalam kes pemburuan haram.
- 4 – Wahyuna mengumpulkan barang-barang kitar semula itu di dalam sebuah kotak.
– Gan Yin mengumpulkan barang-barang kitar semula itu di dalam sebuah kotak.
- 5 – Pekerja-pekerja majlis perbandaran itu sedang mengalihkan pokok.
– Pokok itu tumbang di tepi jalan.
- 6 – Pihak kerajaan amat yakin.
– Kempen Hari Tanpa Beg Plastik itu akan mendapat sambutan daripada semua pihak.

TEMA 12: Tuah di Bumi Permata

Modul PBD Praktis DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

Saudara Hairi: Bolehkah encik memberikan maklumat tentang ternakan rusa dan kambing?

Pegawai Veterinar: Boleh, saudara. Untuk pengetahuan saudara, ternakan rusa dan kambing mampu menghasilkan pendapatan yang lumayan. Hal ini dikatakan demikian kerana kedua-dua haiwan ini mempunyai nilai yang tinggi di pasaran. Selain itu, penernakannya kedua-dua haiwan ini tidak memerlukan kos yang tinggi kerana haiwan-haiwan ini hanya makan tumbuh-tumbuhan.

Saudara Hairi: Oh, begitu! Apakah perbezaan antara kedua-dua haiwan ini?

Pegawai Veterinar: Sebenarnya, memang terdapat beberapa perbezaan antara rusa dan kambing. Antara perbezaannya termasuklah dari segi penjagaan. Rusa lebih mudah untuk diternak berbanding dengan kambing yang memerlukan penjagaan lebih rapi. Selain itu, rusa merupakan haiwan yang tahan penyakit berbanding dengan kambing kerana kambing lebih mudah diserang penyakit bermusim. Seterusnya, tanduk rusa dapat digunakan untuk tujuan perubatan, manakala susu kambing dapat digunakan untuk menghasilkan pelbagai produk.

Saudara Hairi: Baiklah, encik. Dengan maklumat yang telah diberikan lebih mudah untuk saya membuat keputusan. Terima kasih, encik.

Pegawai Veterinar: Baguslah kalau begitu. Ya, sama-sama saudara.

B. Membaca

Poster menunjukkan manfaat lemon untuk kesihatan. Antara manfaat lemon termasuklah mampu untuk menurunkan berat badan. Hal ini dikatakan demikian kerana lemon dapat membantu untuk mengeluarkan toksik dalam badan. Selain itu, lemon dapat menyihatkan kulit juga. Lemon mengandungi vitamin C yang berperanan sebagai antioksidan dan membantu kulit kelihatan awet muda. Seterusnya, lemon dapat memperbaik sistem pernafasan. Dalam hal ini, lemon dapat membantu untuk mencegah pertumbuhan bakteria yang terdapat dalam mulut. Lemon mengandungi kandungan vitamin yang tinggi juga. Yang pastinya, vitamin tersebut mampu untuk merawat tekanan darah tinggi. Di samping itu, lemon kaya dengan antioksidan yang dapat meningkatkan sistem imunisasi seseorang. Akhir sekali, lemon dapat mengimbangkan kandungan PH badan kerana lemon sejenis buah yang beralkali. Kesimpulannya, terdapat banyak manfaat lemon yang baik untuk kesihatan jika diambil dengan cara yang betul.

Aktiviti PAK-21: Pasangan Berbual (*Talk Partners*)

Cadangan Jawapan

Hasil Kajian Khasiat Buah Delima

- Mengandungi antioksidan yang sangat tinggi berbanding dengan buah anggur merah
- Mampu mencegah penyakit jantung
- Mampu menguatkan daya ingatan seseorang
- Mampu melindungi ginjal daripada racun berbahaya
- Memberikan zat kepada tubuh badan serta menyegarkan badan
- Melawan radikal bebas yang dapat merosakkan sel di dalam badan kita

C. Menulis

Selepas 10 tahun Zafril bekerja di salah sebuah syarikat yang terletak di ibu kota, dia telah diberhentikan kerja sebagai arkitek. Zafril diberhentikan kerja kerana syarikat tersebut menghadapi masalah kewangan. Zafril berasa sedih dan buntu memikirkan masa depan dirinya dan keluarganya. Berbagai-bagai persoalan berlegar-legar di fikiran Zafril akibat daripada peristiwa tersebut.

Zafril memberitahu isterinya tentang nasib yang menimpa dirinya. Isterinya menasihatinya agar bersabar. Isterinya meminta Zafril bersangka baik juga kerana mungkin ada rezeki yang lebih baik untuk mereka sekeluarga. Selang beberapa hari daripada peristiwa itu, Zafril telah membuat keputusan untuk mengajak keluarganya berhijrah ke kampung. Zafril bercadang mahu mengusahakan tanah pusaka arwah bapanya yang terletak di utara negeri Kedah.

Zafril dan isterinya membersihkan tanah pusaka arwah bapanya sedikit demi sedikit. Tanah pusaka itu agak luas dan terletak di belakang rumah sahaja. Setelah tanah itu dibersihkan, Zafril dan isterinya mula menanam beberapa jenis sayur seperti cili, sawi, kacang panjang, terung, dan bendi. Setiap hari, Zafril akan menyiram tanamannya dan mencabut rumput-rumput di kawasan itu. Dia membubuh baju yang berkualiti pada tanamannya itu juga. Dia berharap agar usahanya dapat membawa hasil yang memuaskan.

Selang beberapa bulan, tanaman yang diusahakan oleh Zafril mula menampakkan hasil yang sangat memuaskan. Dia memetik hasil tanamannya itu lalu menjual hasil tanamannya di pasar yang berdekatan. Banyak orang yang memuji kualiti hasil tanaman yang dijual oleh Zafril itu. Zafril meneruskan usaha menanam pelbagai jenis sayur lagi. Dia turut menjaga kualiti tanamannya. Zafril mendapatkan khidmat nasihat daripada pihak Jabatan Pertanian untuk memajukan sektor pertanian itu di kampungnya. Pihak Jabatan Pertanian bersetuju untuk membantu Zafril.

Akhirnya, berkat kegigihan Zafril, hasil tanamannya mula dijual di luar daerah. Zafril berjaya mendapatkan bantuan daripada pihak Jabatan Pertanian untuk memasarkan hasil tanamannya. Pendapatan Zafril semakin bertambah. Zafril sungguh bersyukur. Walaupun dia tidak dapat meneruskan kerjaya di ibu kota, dia dapat menjadi petani yang berjaya. Dia berharap agar dia dapat menjadi ikon kepada golongan petani muda yang berada di luar sana juga. Dia memasang azam untuk meluaskan pasaran sayur-sayurnya ke seluruh negara.

D. Seni Bahasa

- 1 berbudi pada tanah, pasti akan mendapat hasilnya
- 2 bagi aur dengan tebing
- 3 mencari jalan
- 4 serampang dua mata ini
- 5 sudah terang lagi bersuluh
- 6 jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya

E. Tatabahasa

- 1 Salah sebuah kawasan rekreasi dan pelancongan yang terkemuka di negara kita Taman Negara Endau-Rompin.
- 2 Terletak di lemah Sungai Endau dan Sungai Rompin di Johor bersempadan dengan Pahang khazanah berharga berbentuk taman negara ini.
- 3 Mempunyai bentuk muka bumi yang menarik taman negara ini.
- 4 Kawasan air terjun yang paling cantik Air Terjun Buaya Sangkut.
- 5 Di sini juga dapat kita lihat pelbagai jenis serangga dan burung yang jarang-jarang kita temukan di tempat lain.

TEMA 13: Perindustrian

MODUL PBD PRAKТИS DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

- Boleh, Izham. Antara kelebihan menjalankan perniagaan trak makanan termasuklah konsepnya yang menarik dan unik, berada di lokasi tumpuan orang ramai, menjual pelbagai jenis makanan, dan suasannya lebih santai daripada suasana di kedai makan.
- Cabaran yang dihadapi oleh peniaga trak makanan ini termasuklah kesulitan untuk mendapatkan bantuan bagi menjalankan perniagaan. Selain itu, mereka sukar untuk mendapatkan lesen perniagaan dan menghadapi masalah untuk mendapatkan tapak yang betul-betul konsisten bagi menjalankan perniagaan mereka.

B. Mendengar dan Bertutur

Isi Tersurat	Isi Tersirat
1 IKS dapat meningkatkan ekonomi masyarakat	Memberikan peluang kepada masyarakat luar bandar untuk mendapatkan sumber pendapatan
2 IKS dapat membuka dan memberikan peluang pekerjaan kepada masyarakat	Mengurangkan masalah pengangguran
3 IKS dapat mengurangkan kebergantungan terhadap barang import	Mengurangkan kos duti import negara
4 IKS dapat meningkatkan imej negara di mata dunia	Menarik minat pelabur asing

C. Membaca

Bahan grafik menunjukkan cabaran revolusi industri 4.0 yang bakal dihadapi oleh Malaysia. Industri 4.0 ini merupakan salah satu keupayaan teknologi yang tidak perlu melibatkan manusia secara langsung.

Antara cabaran yang perlu kita hadapi termasuklah berlakunya risiko keselamatan dan kebocoran data peribadi secara mendadak. Hal ini akan menyebabkan pengguna kehilangan privasi terhadap data peribadi dan mungkin data peribadi tersebut akan digunakan untuk pelbagai kesalahan jenayah siber. Selain itu, sektor industri di negara kita terpaksa melaburkan kos yang besar untuk mendapatkan teknologi baharu yang bernilai tinggi. Hal ini akan menjelaskan industri kecil yang tidak mampu untuk mengeluarkan modal operasi yang besar.

Seterusnya, premis perniagaan tidak akan diperlukan lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana urusan perniagaan akan dijalankan secara atas talian. Akhir sekali, dalam menghadapi revolusi industri 4.0 ini kita memerlukan pekerja yang perlu mempelajari pelbagai kemahiran baharu. Hal ini mungkin akan mendatangkan masalah terhadap pekerja yang telah berusia kerana mereka perlu mempelajari teknologi yang baharu pula.

Kesimpulannya, revolusi perindustrian ini akan menyebabkan berlakunya perubahan besar terhadap negara dan kita perlulah sentiasa bersedia untuk menghadapinya.

Aktiviti PAK-21: Kerusi Panas (Hot Seat)

Cadangan Jawapan

Murid 1: Siapakah yang memperkenalkan istilah Industri 4.0?
Pakar Industri: Istilah ini diperkenalkan oleh warga Jerman sejak tahun 2011.

Murid 2: Apakah yang dimaksudkan dengan Industri 4.0?
Pakar Industri: Industri 4.0 ialah Revolusi Perindustrian Keempat. Revolusi ini adalah berkaitan tentang mesin yang dapat menghantar, menerima, dan bertindak mengikut arahan yang disambungkan kepada sistem pengacaraan setempat. Mesin tersebut turut disambungkan melalui rangkaian komunikasi yang membolehkan mesin berkenaan berinteraksi dengan mesin lain serta manusia untuk mengeluarkan barang dan menjalankan perkhidmatan dengan cekapnya.

Murid 3: Nyatakan kepentingan industri 4.0 kepada negara?
Pakar Industri: Antara kepentingan industri 4.0 kepada negara termasuklah dapat memudahkan kerja, dapat meningkatkan produktiviti sektor industri negara, dapat menambahkan jumlah pelabur asing dan meningkatkan sumber ekonomi sesebuah negara.

D. Menulis

Rangkap Pertama:

Pusat siber baru dibuka,
Pusat Sukan E-Siber diberi nama,
Beberapa rakan diajak bersama,
Meneroka sukan di alam maya.

Rangkap Kedua:

Melihat segala peralatan yang ada,
Hati tidak sabar ingin mencuba,
Bertemu seorang usahawan muda,
Berpandangan jauh itulah sifatnya.

Rangkap Ketiga:

Industri sukan hebat teknologinya,
Bergerak seiring edaran masa.
Beberapa rakan diajak bersama,
Meneroka sukan di alam maya.

Rangkap Keempat:

Permainan video bukan sebarang,
Perlu belajar cara berperang,
Tidak sedar hari semakin petang,
Baik berhenti segera kita pulang.

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

Impak Positif Permainan video e-sukan kepada remaja

- Para remaja berpeluang untuk bertanding dengan pemain-pemain dari seluruh negara
- Mengisi masa luang dengan aktiviti yang berfedah
- Mewujudkan peluang pekerjaan baharu yang menarik kepada golongan muda seperti peminat profesional permainan video, pengurus, jurulatih, pemasar, penganalisis, pengatur acara, dan sebagainya
- Memberikan ganjaran yang lumayan menerusi pertandingan yang sering dianjurkan di luar negara
- Menghindarkan para remaja daripada terlibat dalam kegiatan jenayah dan gejala sosial.

E. Tatabahasa

Ayat Aktif	Ayat Pasif
1 Manusia mula mencipta mesin-mesin untuk meningkatkan produktiviti.	Mesin-mesin mula dicipta oleh manusia untuk meningkatkan produktiviti.
2 Pada kurun ke-19, manusia telah mencipta peralatan yang berdasarkan elektrik.	Peralatan yang berdasarkan elektrik telah dicipta oleh manusia pada kurun ke-19.
3 Mereka sudah mula menggunakan minyak dan gas pada zaman ini.	Minyak dan gas sudah mula digunakan oleh mereka pada zaman ini.
4 Penggunaan mesin akan menggantikan fungsi buruh pada masa hadapan.	Fungsi buruh akan digantikan oleh penggunaan mesin pada masa hadapan.
5 Para pekerja akan menggunakan sistem sensor dan komputer untuk mengemas kini data secara automatik.	Sistem sensor dan komputer akan digunakan oleh para pekerja untuk mengemas kini data secara automatik.
6 Evolusi industri keempat akan meningkatkan kualiti hidup masyarakat di seluruh dunia akan ditingkatkan oleh evolusi industri keempat.	Kualiti hidup masyarakat di seluruh dunia akan ditingkatkan oleh evolusi industri keempat.

TEMA 14: Ekonomi Mapan, Negara Makmur

Modul PBD Praktis DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

Kumar: Saya ingin mencadangkan kelab kita menjual pelbagai jenis minuman berperisa. Hal ini dikatakan demikian kerana kosnya yang agak rendah dan keuntungannya pula tinggi.

Syifa: Bagus juga cadangan kamu itu, Kumar. Saya pula ingin mencadangkan agar persatuan kita menjual nasi kerabu. Saya boleh mendapatkan bantuan daripada ibu

- saya kerana setiap pagi ibu saya menjual nasi kerabu di kawasan perumahan kami.
- Chong Wai: Wah, menarik cadangan kamu! Nasi kerabu merupakan salah satu sajian makanan yang sangat seimbang. Sebagai tambahan, saya rasa elok kita menjual rojak buah juga. Makanan ini mudah untuk disediakan dan rasanya sungguh enak. Pasti banyak murid yang tertarik akan jualan kita. Bagaimanakah ini pendapat kamu sebagai pengurus persatuan ini dengan cadangan-cadangan kami Syafiq?
- Shafik: Saya bersetuju dengan pendapat kalian semua. Jika kita berjaya menjual makanan dan minuman yang dicadangkan oleh kalian tadi, sudah pasti persatuan kita akan mendapat keuntungan yang banyak. Oleh itu, kita dapat menambahkan wang tabungan persatuan kita lagi untuk keperluan pada masa yang akan datang.

B. Membaca

Skim Takaful Pelajar Sekolah Malaysia (TPSM) memberikan perlindungan kepada murid-murid prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, dan murid tingkatan enam. Tempoh perlindungan adalah sepanjang murid tersebut belajar di sekolah kerajaan atau di sekolah bantuan kerajaan. Antara skop perlindungan skim ini termasuklah kematian, lumpuh, kehilangan penglihatan atau anggota badan, khairat kematian, eluan tunai hospital, dan eluan kerusi roda. Skim perlindungan ini amat penting kepada murid-murid sekiranya berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini semasa berada di sekolah atau di luar sekolah. Sekiranya murid meninggal dunia akibat sakit biasa, ibu bapa atau waris murid akan mendapat bantuan khairat kematian. Kesimpulannya, pihak kerajaan amat mementingkan keselamatan dan nyawa murid yang berulang-alik ke sekolah pada setiap hari. Melalui skim ini, ibu bapa atau waris tidak terbeban dengan kos rawatan sekiranya anak-anak mengalami kemalangan atau dimasukkan ke hospital.

C. Menulis

Ramly Food Processing Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat perniagaan bumiputera yang terkenal dalam industri pembuatan produk makanan **berasaskan** daging lembu, daging ayam, dan hasil laut berjenama Ramly. Syarikat ini telah diasaskan pada tahun 1984 dan dimiliki sehingga kini oleh Dato' Haji Ramly dan Datin Hajah Shala Siah. Perniagaan ini bermula **daripada** cetusan idea dan hasrat murni untuk mengeluarkan produk yang halal, bersih, dan bermutu tinggi. Kini, syarikat ini telah mempunyai kilang **pemprosesan** di Taman Perindustrian IKS, Mukim Batu, Kuala Lumpur. Syarikat ini banyak menawarkan peluang pekerjaan **dalam** bahagian pengurusan, pengeluaran, dan pemasaran produk.

Ramly Mokni **ialah** seorang tokoh usahawan Melayu yang telah mengecapi kejayaan dalam bidang keusahawanan dengan cemerlang sekali. **Beliau patut diteladani oleh usahawan-usahawan bumiputera yang lain.** Kejayaan beliau tidak diperoleh dalam sekilip mata sahaja. Seperti yang kita sedia maklum, beliau telah mengharungi pelbagai cabaran sebelum menemui kejayaan dalam perniagaan ini. Bukti nyata, beliau mula menjalankan perniagaan dengan menjual burger di gerai kecil sehingga berjaya membuka kilang untuk mengeluarkan daging burger daripada 300 keping sehari **kepada** 100,000 keping sehari.

Selepas 20 tahun berlalu jualan tahunan syarikatnya telah mencatat sehingga RM100 juta. Ramly mengembangkan perniagaannya dengan menghasilkan **produk-produk lain** termasuklah **nuget**, bebola daging, bebola ayam, sosej, daging kisar, dan sebagainya. Jenama Ramly bukan sahaja terkenal di Malaysia **bahkan juga** di Singapura.

D. Seni Bahasa

Pantun Suasana Karnival Keusahawan

Sungguh berkenan di hati hamba,
Memetik bidara di Bukit Jana;
Karnival Keusahawanan menjelang tiba,
Pelbagai acara meriahkan suasana.

Indah bersulam kain sutera,
Cantik dipakai oleh kakanda;
Tayangan filem warnai acara,
Cabutan bertuah menanti anda.

Gagah bentara ke tanah Bentan,
Membawa gendang diiringi nobat;
Berudu suara mencari kekuatan,
Ayah berdendang jika bersuara hebat.

Terlihat kelabit seorang kerabat,
Petang hari menuju ke jeti;
Jualan hebat menarik minat,
Mari membeli hiburkan hati.

Mari bersandar rehatkan diri,
Penat bekerja memasang jermal;
Bukan sekadar hiburkan hati,
Mari berbelanja sambil beramal.

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

Cadangan Jawapan

Manfaat Karnival Keusahawanan

- Menggalakkan murid-murid untuk menceburi bidang keusahawanan
- Melahirkan murid yang berani untuk menjalankan perniagaan
- Memupuk semangat kerjasama dalam kalangan ahli kumpulan
- Menggerakkan perpaduan antara kaum
- Melahirkan murid yang kreatif untuk menghasilkan sesuatu produk

E. Tatabahasa

Cakap Pindah

Puan Anisa menyapa Puan Helen yang banyak membeli barang. Puan Helen memberitahu Puan Anisa bahawa pada hari itu ada jualan murah di Pasar Raya Maju. Banyak barang keperluan seperti beras, minyak masak, susu, serta tepung turut dijual dengan harga yang murah. Puan Anisa memuji sikap Puan Helen yang bijak mengurus kewangan keluarga kerana beliau membeli barang-barang keperluan ketika pasar raya sedang mengadakan jualan murah. Puan Helen menyatakan bahawa mereka mestilah berbelanja dengan bijaknya. Melalui cara tersebut, Puan Helen dapat menjimatkan kos perbelanjaan untuk membeli barang-barang keperluan harian. Wang yang tidak dibelanjakan pula dapat disimpan di bank untuk kegunaan pada masa depan. Puan Anisa bersetuju dengan pendapat Puan Helen. Puan Anisa menyatakan bahawa jika mereka berbelanja dengan bijaknya, banyak manfaat yang akan diperoleh mereka. Kemudian, Puan Anisa ingin tahu tentang tempoh jualan murah tersebut akan diadakan. Puan Helen menyatakan bahawa berdasarkan iklan yang dilihatnya, jualan murah itu akan diadakan sehingga hari Ahad minggu depan. Puan Anisa mengucapkan terima kasih atas maklumat yang diberikan oleh Puan Helen. Puan Helen membalias ucapan tersebut.

Aktiviti PAK-21: Fikir- Pasang-Kongsi (Think-Pair-Share)

Cadangan Jawapan

Kepentingan Amalan Berjimat Cermat

Murid 1:

- Sebagai persediaan untuk menghadapi sebarang kemungkinan pada masa akan datang
- Dapat mengurangkan perbelanjaan keluarga pada setiap bulan
- Dapat menggunakan wang simpanan untuk membantu golongan yang lebih memerlukan hasil daripada sikap berjimat cermat

Murid 2:

- Dapat mendidik diri daripada bersikap boros
- Dapat menambahkan jumlah wang simpanan
- Dapat mengurangkan penggunaan sumber tenaga semula jadi dan sumber alam

FOKUS KBAT

Pemahaman (KOMSAS – Cerpen)

- (i) Perwatakan Hisyam yang dapat diperoleh dalam petikan cerpen “Sekeping Tanah” ialah seorang yang merendah diri. Contohnya, walaupun dia memiliki syarikat sendiri, dia lebih selesa menjadi pemandu teks. Selain itu, Hisyam seorang yang baik hati. Contohnya, dia menyerahkan jawatan pengurus syarikat itu kepada kakaknya. Perwatakan yang seterusnya

ialah dia hormat kepada kakaknya. Contohnya, dia menyatakan bahawa dia setuju dengan apa-apa sahaja keputusan kakaknya.

(ii) Cara untuk menjaga hubungan adik-beradik ialah sentiasa bertanyakan khabar antara satu dengan yang lain. Selain itu, elakkan diri daripada memperlekeh adik-beradik kita yang hidup dalam serba kekurangan. Akhir sekali, kita perlulah membantu adik-beradik kita ketika mereka ditimpah kesusahan.

TEMA 15: Destinasi MISTERI

Modul PBD Praktis DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

Nazif: Saya dan Danny tertarik untuk menyertai aktiviti pelancongan pada bulan Mac nanti. Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah aktiviti selam scuba dan selam snorkel di Pulau Tioman serta melawat ke Taman Negara. Kamu pula bagaimana?

Prem: Saya pula tertarik untuk menyertai aktiviti yang diadakan pada bulan April. Hal ini disebabkan oleh perasaan saya yang sungguh teruja untuk menyertai pertandingan luncur air. Pada pendapat saya, pertandingan tersebut agak mencabar.

Nazif: Saya memahami keinginan kamu itu. Namun begitu, pada tarikh 6 – 7 April tersebut sekolah kita akan mengadakan kem motivasi khas untuk murid-murid tingkatan tiga.

Prem: Oh, begitu!

Nazif: Kami memilih untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang diadakan pada bulan Mac itu kerana semua aktiviti itu akan diadakan pada waktu hujung minggu dan pada waktu cuti sekolah. Oleh itu, dapatlah kita mengisi masa lapang dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah. Memandangkan kesemua aktiviti itu merupakan aktiviti yang pertama kali kita serta mak kita akan memperoleh pengalaman yang baharu juga.

Prem: Benar, pendapat kamu itu. Oleh itu, saya bersetuju untuk menyertai kesemua aktiviti yang akan disertai oleh kalian pada bulan Mac itu nanti.

B. Mendengar dan Bertutur

Laila: Baru-baru ini saya ada membaca artikel tentang sikap masyarakat kita yang memandang sepi terhadap hasil produk kraf tangan negara. Pada pendapat kamu, mengapa masalah ini berlaku?

Erina: Pada pendapat saya, banyak faktor yang menyebabkan masalah ini berlaku. Antara puncanya termasuklah sikap masyarakat di negara kita yang lebih gemar membeli produk import. Hal ini disebabkan oleh pemikiran sesetengah masyarakat yang merasakan bahawa produk kraf tangan kita tidak mempunyai reka bentuk yang menarik berbanding dengan produk dari luar negara. Begitu juga dengan tanggapan segerintir masyarakat yang menganggap bahawa kualiti produk kraf tangan kita kurang bermutu. Faktor yang seterusnya ialah para penjual produk kraf tangan tempatan sukar mendapat peluang untuk memasarkan produk kraf tangan mereka ke seluruh pelosok negara. Akhir sekali, kurangnya sambutan daripada pihak kerajaan dan media massa dalam mempromosikan produk kraf tangan turut menyumbang kepada masalah ini.

Laila: Oh, begitu! Apakah langkah-langkah yang dapat dilakukan bagi memajukan produk kraf tangan ini, Erina?

Erina: Langkah yang dapat dilakukan ialah masyarakat di negara kita disarankan supaya mengamalkan sikap suka membeli produk kraf tangan tempatan seperti baju, beg tangan, bakul, kasut, dan sebagainya. Selain itu, masyarakat negara kita perlu yakin dan memandang tinggi terhadap kualiti produk kraf tangan negara. Seterusnya, pihak pengeluar produk kraf tangan ini perlulah lebih giat memasarkan produk mereka ke seluruh pelosok negara. Akhir sekali, pihak kerajaan dan media massa mestilah berganding bahu untuk mempromosikan produk kraf tangan negara dengan mengadakan pelbagai pameran dan karnival untuk memajukan lagi industri kraf tangan negara.

C. Membaca

Pada pendapat saya, banyak kelebihan yang terdapat di Taman Negara Royal Belum untuk dijadikan sebagai destinasi pelancongan. Antaranya, termasuklah para pengunjung berpeluang untuk mengenal tumbuh-tumbuhan semula jadi yang terdapat di dalam hutan. Selain itu, para pengunjung dapat melihat habitat asal haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Mereka dapat melihat flora dan fauna yang kini diancam kepupusan juga. Di samping itu, para pengunjung dapat menyedut udara yang bersih dan nyaman. Taman ini cantik kerana diliputi dengan pemandangan yang menghijau. Akhir sekali, taman negara ini sesuai untuk dijadikan tempat untuk menjalankan aktiviti meredah hutan kerana kawasan hutannya yang sungguh luas. Kesimpulannya, Taman Negara Royal Belum amatlah sesuai untuk dijadikan destinasi pelancongan kerana taman ini banyak kelebihannya.

D. Menulis

Usaha-usaha Memajukan Sektor Pelancongan di Malaysia
Oleh: Norelina binti Zainal

Sektor pelancongan di negara kita dilihat semakin berkembang maju dan menjadi sumber pendapatan negara yang utama. Terdapat banyak hotel bajet, inap desa, dan kawasan peranginan dibuka seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah menggerakkan semua agensinya untuk memastikan sektor pelancongan berkembang pesat sejajar dengan pembangunan negara. Namun begitu, masih ada ruang dan peluang yang wajar dimanfaatkan oleh semua pihak untuk memajukan sektor ini.

Antara usaha yang dapat dilaksanakan termasuklah pihak kerajaan perlulah menambah baik kemudahan pengangkutan awam dan sistem komunikasi yang terdapat di negara kita. Hal ini penting bagi memudahkan pelancong untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Kemudahan tersebut sangat penting kepada para pelancong. Misalnya, banyak pelancong yang datang ke negara kita untuk menikmati keindahan pulau dan pantai. Oleh itu, pihak kerajaan harus mengambil insiatif untuk menambahkan kemudahan perkhidmatan bot atau feri di sekitar kawasan pulau-pulau yang terdapat di negara kita. Hal ini dapat memudahkan pelancong menikmati keindahan alam semula jadi.

Selain itu, pihak kerajaan disarankan untuk memperkenalkan pelbagai produk pelancongan yang dapat menarik minat para pelancong. Misalnya, program pelancongan inap desa, pelancongan kesihatan, agropelancongan, ekopelancongan, dan seumpamanya hendaklah dikembangkan di negara kita ini. Produk pelancongan yang diperkenalkan mestilah dapat menarik hati pelancong-pelancong di dalam dan di luar negara. Biasanya pelancong luar mahu melihat sesuatu yang tidak ada di negara mereka. Oleh itu, kita harus mengambil peluang untuk memperkenalkan keunikan negara ini dengan mengetengahkan budaya hidup dan kesenian masyarakat tempatan.

Seterusnya, kemudahan penginapan para pelancong di negara kita perlulah dinaik taraf oleh pihak pengurusan pusat penginapan. Kebanyakan pelancong yang datang ke Malaysia tertarik akan harga serta pakej penginapan yang murah tetapi dalam masa yang sama menawarkan perkhidmatan yang berkualiti. Pihak pengurusan inap desa boleh menawarkan pelbagai keunikan kepada para pelancong juga seperti menikmati keenakan buah-buahan tempatan di dusun, meredah hutan, mandi-manda di sungai, menaiki rakit, dan sebagainya. Dengan cara ini, pastinya bilangan pelancong yang datang ke negara kita akan bertambah dari semasa ke semasa.

Akhir sekali, pihak kerajaan sewajarnya menganjurkan pelbagai acara antarabangsa dengan lebih kerap. Para pelancong bukan sahaja datang ke negara kita untuk melibatkan diri dalam acara-acara yang dianjurkan, malahan mereka berpeluang untuk melawat ke tempat-tempat menarik di negara kita juga, bak kata peribahasa sambil menyelam minum air. Oleh itu, pihak kerajaan dan pihak swasta perlulah sentiasa bekerjasama untuk merancang pelbagai acara antarabangsa yang sesuai untuk dijalankan di negara kita.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai langkah yang dapat dirancang dan dilaksanakan untuk meningkatkan sektor pelancongan di negara kita. Semua pihak hendaklah tampil dan menunjukkan iltizam yang tinggi untuk membantu kerajaan mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang hebat, bak kata pepatah kalau tidak dipecahan ruyung, manakan dapat sagunya.

E. Menulis

Kesalahan	Pembetulan
1 Taman Mini Bestari adalah sebuah taman yang ditemakan agropelancongan.	Taman Mini Bestari ialah sebuah taman yang bertemakan agropelancongan.
2 Lokasinya sungguh amat strategik kerana terletak kira-kira 20 kilometer daripada bandar Taiping.	Lokasinya sungguh strategik/ amat strategik kerana terletak kira-kira 20 kilometer dari bandar Taiping.
3 Taman ini semakin para pengunjung minati yang mahu beriadah bersama-sama dengan anggota keluarga.	Taman ini semakin diminati oleh para pengunjung yang mahu beriadah bersama-sama dengan anggota keluarga.
4 Untuk makluman anda, segala bayaran untuk menjalankan aktiviti di dalam taman ini gunakan sistem kupon.	Untuk makluman anda, segala bayaran untuk menjalankan aktiviti di dalam taman ini menggunakan sistem kupon.
5 Semua haiwan di sini penjaga taman ini urus dengan baiknya.	Semua haiwan di sini diurus oleh penjaga taman ini dengan baiknya.
6 Banyak aktiviti-aktiviti yang dapat dijalankan di Taman Mini Bestari ini.	Banyak aktiviti yang dapat dijalankan di Taman Mini Bestari ini.

F. Menulis

Kesalahan	Pembetulan
1 Rupa-rupanya, Pulau Tiomanlah destinasi misteri dimaksudkan ayah.	Rupa-rupanya, Pulau Tiomanlah destinasi misteri yang dimaksudkan ayah.
2 Selain itu membawa joran, kami turut membawa umpan sotong.	Selain membawa joran, kami turut membawa umpan sotong.
3 Malangnya, hujan turut dengan lebat-lebatnya.	Malangnya, hujan turun dengan lebatnya.
4 Ketika itu, air laut baru hendak dipasang.	Ketika itu, air laut baru hendak pasang.
5 Apabila air laut sudah pasang, ayah mengajak saya memancing lagi ikan di jeti.	Apabila air laut sudah pasang, ayah mengajak saya memancing ikan lagi di jeti.
6 Pada agak-agak pukul 10:30 pagi, kami berhenti memancing ikan.	Pada kira-kira pukul 10:30 pagi, kami berhenti memancing ikan.
7 Beliau menunjukkan skrin kamera yang memaparkan video kehidupan laut yang sempat dirakamkannya.	Beliau menunjukkan skrin kamera yang memaparkan video hidupan laut yang sempat dirakamkannya.
8 Namun begitu, seronok bercuti di Pulau Tioman tidak akan kami lupukan.	Namun begitu, keseronokan bercuti di Pulau Tioman tidak akan kami lupukan.

TEMA 16: Mencapai Impian, Menuai Kejayaan Modul PBD Praktis DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

Alisya: Selamat petang, Abang Shahrul. Nama saya, Alisya.
Abang Shahrul: Selamat petang, Alisya. Ada apa-apa yang boleh saya bantu?
Alisya: Begini, pada pagi tadi saya telah membuka

laman blog Abang Shahrul. Saya berminat untuk membeli buku Sejarah Melayu yang diiklankan dalam blog tersebut. Boleh saya tahu berapakah harga buku tersebut?

Abang Shahrul: Harga buku tersebut RM10 sahaja.

Alisya: Wah, sungguh murah harga yang ditawarkan! Untuk pengetahuan Abang Shahrul, saya ingin membeli buku tersebut kerana saya sungguh berminat untuk mengetahui sejarah zaman Kesultanan Melayu Melaka. Bagaimanakah caranya untuk membeli buku tersebut?

Abang Shahrul: Caranya mudah sahaja. Selepas ini, saya akan memberikan nombor akaun bank saya kepada kamu bagi tujuan pembayaran. Saya akan mengeposkan buku tersebut kepada kamu apabila kamu telah membuat pembayaran. Kamu perlu membuat pembayaran dahulu dan menunjukkan bukti pembayaran kepada saya. Selepas itu, barulah saya akan mengeposkan buku itu kepada kamu. Urusan pengeposan akan saya lakukan secepat mungkin.

Alisya: Oh, begitu! Baiklah, Abang Shahrul. Saya akan menyelesaikan urusan pembayaran tersebut pada petang ini juga. Terima kasih, Abang Shahrul.

Abang Shahrul: Sama-sama. Kamu boleh berhubung dengan saya pada bila-bila masa sahaja untuk sebarang pertanyaan.

B. Membaca

Pada pendapat saya, petikan cerpen ini berjaya menonjolkan aspek yang baik dari segi akhlak seorang anak kepada kedua-dua orang tuanya. Hal ini dikatakan demikian kerana watak utama cerita ini dengan bangganya mengakui di hadapan rakan-rakan dan pensyarahnya bahawa kejayaan yang diperolehnya itu diinspirasikan daripada kedua-dua orang tuanya. Sikap beginilah yang sebaik-baiknya ada pada diri anak-anak walaupun ibu dan bapa kita merupakan golongan yang berpendapatan sederhana sahaja. Sebagaimana ibu bapa menjaga dan menyayangi kita dengan sepenuh hati, begitulah yang sepatutnya kita lakukan dengan meraikan kejayaan kita bersama-sama dengan mereka. Akhir sekali, kita mestilah sentiasa menghargai jasa dan pengorbanan ibu dan bapa kita untuk melihat kita berjaya dengan menjaga mereka hingga akhir hayat mereka.

C. Menulis

Setiap remaja pasti mengimpikan kerjaya yang menawarkan gaji yang tinggi selepas bertungkus lumus menamatkan pengajian di pusat pengajian tinggi pilihan mereka. Oleh itu, sejak peringkat sekolah menengah, murid-murid sepatutnya telah menetapkan matlamat tentang kursus dan kerjaya yang diingini supaya mereka mempunyai hala tuju yang jelas. Persoalannya, apakah faktor-faktor yang mempengaruhi remaja dalam pemilihan sesuatu kerjaya?

Faktor minat dan cita-cita murid semasa di bangku sekolah sudah tentu merupakan kriteria utama dalam penentuan pemilihan kerjaya. Minat dan cita-cita merupakan dua perkara yang saling berkait. Sebagai contoh, seseorang murid yang meminati bidang seni kulinari hendaklah mengambil jurusan katering penyajian sejak di sekolah menengah lagi. Melalui minat yang mendalam terhadap sesuatu kemahiran atau bidang ilmu sudah pastinya murid-murid akan berusaha untuk mencapai kerjaya impian mereka.

Selain itu, sokongan dan dorongan daripada ibu bapa amatlah penting untuk memastikan kerjaya idaman remaja dapat direalisasikan. Hal ini bermakna, remaja yang hanya mempunyai minat tetapi tidak mendapat restu daripada kedua-dua ibu bapa, sudah pasti akan hilang semangat untuk meneruskan hasrat mereka. Sebagai contoh, jika remaja tersebut mempunyai minat untuk menjadi ahli bahasa tetapi ibu bapa mereka berharap agar anak mereka menjadi ahli perniagaan, sudah pasti anak-anak mereka akan gagal untuk meneruskan kerjaya dalam bidang perniagaan.

Seterusnya, remaja yang mengidamkan kerjaya yang diminati mestilah mempunyai tokoh atau idola sebagai motivasi untuk berjaya. Idola memainkan peranan sebagai suri teladan dalam mengenal pasti kemauan dan matlamat mereka, idola yang dipilih merupakan seorang yang mempunyai tarikan tersendiri dan sentiasa bermotivasi dalam bidang kerjayanya. Kerjaya impian

murid tersebut dapat direalisasikan kerana sejarah kejayaan serta nilai-nilai positif yang ada dalam diri idola memotivasi mereka untuk berjaya. Tegasnya, seseorang remaja yang ingin berjaya untuk menggapai kerjaya idamannya memerlukan idola sebagai suri teladan.

Akhir sekali, faktor gaji yang ditawarkan turut dikenal pasti sebagai faktor utama dalam pemilihan sesuatu kerjaya. Ganjaran atau gaji merupakan salah satu motivasi kepada para remaja untuk mencebur kerjaya tersebut. Kebanyakan graduan memiliki pekerjaan yang menawarkan gaji yang setimpal dengan kelulusan yang dimiliki. Dengan pendapat yang lumayan, mereka dapat hidup dengan selesanya. Oleh itu, murid perlu berusaha dari awal untuk mendapatkan kerjaya yang diimpikan seterusnya dapat memiliki kehidupan yang selesa pada masa akan datang.

Tuntasnya, banyak faktor yang menjadi penentu terhadap pemilihan sesuatu kerjaya. Murid-murid perlu memiliki matlamat serta perancangan untuk memperoleh kerjaya yang diimpikan bak kata pepatah, alang-alang mandi biar basah. Oleh itu, setiap usaha yang dilakukan biarlah sehingga menampakkan hasil.

D. Tatabahasa

Kesalahan	Pembetulan
1 Setelah tiba di sana, suasana heboh dapat dirasakan oleh Asyraf sekeluarga.	Setelah tiba di sana, suasana meriah dapat dirasakan oleh Asyraf sekeluarga.
2 Para-para tetamu dijemput untuk masuk ke dalam Dewan Tunku Canselor kerana majlis akan dilangsungkan sebentar lagi.	Para tetamu dijemput untuk masuk ke dalam Dewan Tunku Canselor kerana majlis akan dilangsungkan sebentar lagi.
3 Pentas utama dewan dihias dengan begitu cukup indah.	Pentas utama dewan dihias dengan begitu indah/ cukup indah.
4 Saat tersebut memang ternanti-nanti oleh mereka setelah bertahun-tahun menimba ilmu dalam bidang masing-masing.	Saat tersebut memang dinanti-nantikan oleh mereka setelah bertahun-tahun menimba ilmu dalam bidang masing-masing.
5 Kini, abang kesayangan Asyraf telah berjaya menggenggam serelung ijazah.	Kini, abang kesayangan Asyraf telah berjaya menggenggam segulung ijazah.
6 Abang Arif menerima skerol ijazah yang disampaikan oleh Canselor Universiti Malaya.	Abang Arif menerima skrol ijazah yang disampaikan oleh Canselor Universiti Malaya.
7 Asyraf menyimpan azam untuk mengikut bekas tangan Abang Arif yang sememangnya bijak dalam pelajaran.	Asyraf menyimpan azam untuk mengikut jejak langkah Abang Arif yang sememangnya bijak dalam pelajaran.
8 Oleh hal yang demikian, Asyraf menjadikan Abang Arif sebagai bahan inspirasi bagi dirinya untuk mengejar cita-cita.	Oleh hal yang demikian, Asyraf menjadikan Abang Arif sebagai sumber inspirasi bagi dirinya untuk mengejar cita-cita.

FOKUS KBAT

Novel *Tawanan Komander Caucasus*

- (a) kepentingan klimaks – konflik dalam sesuatu cerita menuju kepada klimaks atau puncak dalam sesebuah cerita – peristiwa yang mendapat perhatian yang maksimum – dari klimaks, cerita menuju peleraian
- (b) bahagian klimaks dalam novel – Haikal, Devnath, dan Wei telah ditangkap sekali lagi dan ditawan oleh tentera Komander

Caucasus bersama dengan Puteri Coleoptera dan Bara, tetapi Farhani dan Kim Yong berjaya menyembunyikan diri masing-masing. Maharaja Caucasus yang telah menaiki takhta kerajaan kumbang dengan cara menggulingkan Maharaja Tanduk itu berasa amat marah apabila Kim Yong dan Farhani gagal ditangkap. Maharaja Caucasus mengarahkan tenteranya segera mencari Kim Yong dan Farhani yang amat diperlukan untuk dijadikan bahan uji kaji bagi mencapai impiannya menakluki dunia dan manusia

Novel *Chot*

- (a) kepentingan klimaks – konflik dalam sesuatu cerita menuju kepada klimaks atau puncak dalam sesebuah cerita – peristiwa yang mendapat perhatian yang maksimum – dari klimaks cerita menuju peleraian
- (b) bahagian klimaks dalam novel – Cikgu Sunan datang ke rumah Alias dengan bantuan Som. Semasa dia sedang memeriksa telinga Alias, Chot yang berada di atas dahan pokok langsat telah meronta-ronta hingga rantainya putus lalu menerkam dan mengigit lengkap Cikgu Sunan. Alias mengambil lembing, kemudian merodok perut Chot. Chot terkulai dan mati dalam pelukan Alias

Novel *Justeru Impian di Jaring*

- (a) kepentingan klimaks – konflik dalam sesuatu cerita menuju kepada klimaks atau puncak dalam sesebuah cerita – peristiwa yang mendapat perhatian yang maksimum – dari klimaks cerita menuju peleraian
- (b) bahagian klimaks dalam novel – Syahir dikehendaki menggantikan Gopinath ke Jakarta kerana rakannya itu terlibat dalam kemalangan jalan raya. Walaupun dia terpaksa menghadapi rintangan apabila diberitahu bahawa emaknya menghidap strok, Syahir tabah melangkahkan kaki ke Jakarta bagi memikul harapan jurulatih dan negara. Syahir yang berjaya ke peringkat akhir akan bertemu dengan Andri Mirnawan, iaitu wakil tuan rumah. Akhirnya, Syahir berjaya menundukkan wakil Indonesia itu walaupun menghadapi kesukaran seperti keputusan pengadil yang berat sebelah, sokongan padu daripada para penyokong Andri, dan kesakitan pada bahagian perut yang dialaminya

Novel *Hempasan Ombak*

- (a) kepentingan klimaks – konflik dalam sesuatu cerita menuju kepada klimaks atau puncak dalam sesebuah cerita – peristiwa yang mendapat perhatian yang maksimum – dari klimaks cerita menuju peleraian
- (b) bahagian klimaks dalam novel – berlaku kebakaran di bengkel tempat pengeluaran batik moden. Farid menerima dugaan yang menimpanya sebagai takdir. Pihak polis yakin kebakaran itu bermotifkan jenayah lalu meminta Farid mengikutnya ke balai polis untuk diambil keterangan. Di balai polis, Inspektor Rusman menjelaskan, pihaknya telah memberkas Mahmood di sebuah klinik ketika lelaki itu sedang menerima rawatan kerana tersiram lilin batik. Mahmood mempunyai rekod jenayah dan merupakan pekerja Syarikat Batik Rajawali. Pemilik syarikat tersebut ialah Mukhtar bin Yusof dan kini pihak polis berusaha untuk memberkasnya

FOKUS PT3

TOPIK 1 Sistem Bahasa

Modul PP Praktis PT3

Bahagian A

Praktis 1

1 C	2 D	3 B	4 A	5 B
6 A	7 A	8 D	9 D	10 B
11 C	12 D	13 A	14 D	

Praktis 2

1 C	2 A	3 A	4 A	5 B
6 A	7 B	8 C	9 D	10 A

Praktis 3

1 A	2 B	3 C	4 A	5 A
6 C	7 C	8 B		

Praktis 4

1 B 2 D 3 A 4 D

Praktis 5

1 D 2 A 3 D 4 B

Praktis 6

1 B 2 A 3 D 4 C

Praktis 7

1 D 2 C 3 A 4 A

Bahagian B**Praktis 1**

- 1 beliau – baginda
- 2 Sebilangan orang penduduk – Sebilangan penduduk
- 3 disembahkan – dipersembahkan
- 4 perlukan – perlu akan

Praktis 2

- 1 di dalam – dalam
- 2 anak-anak berikan – diberikan oleh anak-anak
- 3 Sebaik-baik – Sebaik-baiknya
- 4 mengulang – berulang

Praktis 3

- 1 mengumpil
- 2 menjulang
- 3 mengkritik
- 4 memudaraskan

Praktis 4

- 1 perbelanjaan; kepada ()
- 2 mengurangkan; yang ()
- 3 utas; bentuk ()
- 4 Sila; harap ()

Praktis 5

- 1 salah
- 2 betul
- 3 betul
- 4 salah

Praktis 6

- 1 menggembeling – menggembeling
- 2 pelusuk – pelosok
- 3 kontrek – kontrak
- 4 intensip – intensif

Praktis 7

- 1 sekali gus
- 2 diimport
- 3 efisien

Praktis 8

- A. 1 Persatuan Sains akan menganjurkan lawatan sambil belajar ke mana?/ Ke manakah Persatuan Sains akan menganjurkan lawatan sambil belajar?
- 2 Jumlah peserta rombongan lawatan sambil belajar itu berapa orang?/ Berapa orangkah jumlah peserta rombongan lawatan sambil belajar itu?
- 3 Mereka bertolak ke Pusat Sains Negara bagaimana?/ Bagaimanakah mereka bertolak ke Pusat Sains Negara?
- 4 Semua anggota rombongan dikehendaki berkumpul di mana?/ Di manakah semua anggota rombongan dikehendaki berkumpul?
- B. 1 Kakak dinasihati oleh ibu supaya tidak boros berbelanja.
- 2 Pucuk ubi di belakang rumah sedang dipetik oleh nenek.
- 3 Tugasari ini mesti kalian siapkan secepat mungkin.
- 4 Majlis rumah terbuka Cikgu Suraya akan kami hadiri.
- C. 1 Lilian bertanya kepada Diana tentang cara dia menyelesaikan masalah matematik itu.
- 2 Encik Loke bertanya kepada isterinya tentang tempat dia menyimpan bil telefon yang terbaharu itu.

3 Encik Devan menyatakan rasa kagumnya terhadap keputusan PT3 anak Encik Ishak yang sungguh cemerlang.

4 Puan Siti mengundang Puan Leela sekeluarga ke majlis perkahwinan anaknya di Dewan Anggerik Liparis.

Praktis 9

- A. 1 Jiran sepakat membawa berkat
- 2 Seikat bagi sirih, serumpun bagi serai
- B. 1 (i) Bagai aur dengan tebing
(ii) Seperti pahat dengan penkul
- 2 (i) Seperti hujan jatuh ke pasir
(ii) Seperti telinga kuali

TOPIK 2: Pemahaman**Modul PP Praktis PT3****Bahagian A****Praktis 1**

1 B 2 D 3 B 4 C 5 A

Praktis 2

1 A 2 D 3 D 4 C 5 B

Praktis 3

1 C 2 D 3 C 4 C 5 A

Bahagian B**Praktis 1**

- (i) ... menyupap nasi menggunakan tangan kanan
... lauk diangkar dengan sopan
... mengunyah makanan secara perlahan-lahan
- (ii) ... kesopanan – contohnya, pembaca diajarkan cara-cara makan dan minum dalam majlis secara tertib dan sopan
... kepatuhan – contohnya, penjamu selera yang makan dan minum perlu patuh pada segala etika yang telah digariskan dalam majlis tersebut
... kesederhanaan – contohnya, pembaca diajarkan cara makan dan minum secara bersederhana dan bukannya makan secara berlebihan
- (iii) ... supaya kita dapat menjamu selera dengan keadaan yang tenang
... menunjukkan diri kita seorang yang bersopan santun
... untuk menghormati orang yang makan bersama-sama dengan kita

Praktis 2

- (i) ... memilih kawan yang berhati mulia
... memilih kawan yang dapat memberi petunjuk
- (ii) ... kasih sayang seorang ibu terhadap anak
... kepentingan ilmu pengetahuan sebagai penyuluhan kehidupan manusia
- (iii) ... menasihatinya agar lebih berhati-hati memilih sahabat pada masa akan datang
... membawanya berjumpa dengan sahabat-sahabat anda yang baik akhlaknya
... membimbingnya agar mendekatkan diri kepada Tuhan

Praktis 3

- (i) ... mereka segera mengambil kayu
... melontar dan memalu Si Miskin dan isterinya menggunakan kayu
- (ii) ... sikap memandang hina terhadap orang miskin – contohnya, penduduk kampung telah mengusir Si Miskin dan isterinya semasa mereka mencari rezeki
... kasih sayang seorang suami terhadap isteri – contohnya, si suami menangis apabila melihat keadaan isterinya yang berlumuran darah
- (iii) ... pergi berjumpa dengan ketua kampung untuk meminta bantuan dan menceritakan perkara yang sebenar
... berjumpa dengan tukang ubat untuk memohon simpati agar luka isteri dapat disembuhkan

Praktis 4

- (i) ... Muzafar mengagumi semangat mereka untuk turut sama terlibat dalam ekspedisi tersebut
... Muzafar berasa tugas tersebut unik dan mencabar

- (ii) ... kita tidak digalakkan memandang rendah terhadap orang kelainan upaya
... kita mestilah berfikir secara rasional dalam membuat sesuatu keputusan
- (iii) ... masyarakat merasakan orang kelainan upaya membebankan mereka
... masyarakat menganggap jika mereka mengambil berat terhadap orang kelainan upaya ini reputasi diri mereka akan tercemar
... pihak yang bertanggungjawab tidak menjalankan kewajipan kesedaran secara meluas kepada masyarakat supaya memuliakan orang kelainan upaya
- (b) seorang yang bijaksana – contohnya, Farhani bijak menyusun strategi untuk menumpaskan tentera kumbang Caucasus dengan menggunakan cecair Endosulfan sewaktu menyelamatkan rakan-rakannya yang ditawan oleh Komander Caucasus
- (c) seorang yang taat akan ibu bapa – contohnya, Farhani memaklumkan kepada ibunya tentang rancangannya untuk mencari kumbang di dusun milik datuknya pada suatu petang bersama-sama dengan Mira dan Chea Mei

TOPIK 3: Novel

Modul PP Praktis PT3

Praktis 1

Novel Tawanan Komander Caucasus

Tema – kegigihan remaja berdepan dengan berbagai-bagi cabaran dan rintangan

Persoalan:

- (a) perbezaan kehidupan dimensi kumbang dengan dunia manusia – contohnya, Farhani dan Kim Yong dapat merasai perbezaan yang berlaku antara dimensi kumbang dengan dunia manusia dari segi ketumpatan udara dan tempoh masa berlakunya sesuatu kejadian atau peristiwa
- (b) kasih sayang ibu bapa yang mendalam terhadap anak-anak – contohnya, Puan Lee, iaitu ibu Kim Yong dan Puan Asmah, ibu Farhani amat bersedih atas kehilangan anak mereka yang dilaporkan hilang sewaktu pergi mencari kumbang di dusun milik datuk Farhani

Novel Chot

Tema – kasih sayang yang terjalin antara manusia dengan haiwan

Persoalan:

- (a) tanggungjawab seorang anak terhadap ibu – contohnya, Alias bertanggungjawab menyara ibunya yang lumpuh dengan mengambil upah memetik buah kelapa
- (b) kesungguhan dalam menutut ilmu – contohnya, Alias sentiasa membawa buku bacaan atau buku kerja yang diselitkan pada pinggangnya ke mana-mana sahaja. Dia juga akan belajar bersama-sama dengan Som selepas mengaji

Novel Justeru Impian di Jaring

Tema – ketabahan seorang pemain badminton dalam menghadapi segala dugaan dan rintangan sebelum bergelar juara dunia

Persoalan:

- (a) ketakutan terhadap pesanan yang telah diamanahkan – contohnya, Syahir sentiasa mengingati pesanan arwah ayahnya agar menjadi anak yang berjaya, berijazah, dan berilmu
- (b) keberanian untuk mengemukakan pendapat – contohnya, Syahir berani mengemukakan pendapat tentang tindakan PBSM yang tidak profesional. Hal ini dikatakan demikian kerana pihak PBSM tidak mengambil kira *rangking* dunia BWF untuk menentukan kelayakan mereka bagi mewakili negara ke Jakarta

Novel Hempasan Ombak

Tema – kegigihan remaja dalam usaha memajukan syarikat

Persoalan:

- (a) kegigihan dalam memajukan dunia perniagaan – contohnya, Farid gigih belajar mengurus perniagaan daripada pekerja di syarikat bapanya yang berpengalaman seperti Tomsiah dan Nik Ramly
- (b) kesederhanaan dalam kehidupan – contohnya, Farid mengekalkan sikap bersederhana dalam menjalani kehidupan walaupun dia memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan Syarikat Batik Nusantara

Praktis 2

Novel Tawanan Komander Caucasus

Watak utama: Farhani

- (a) seorang yang cekal dan tabah – contohnya, Farhani cekal menempuh semua dugaan dan rintangan sepanjang dia menjadi tawanan Komander Caucasus

Novel Chot

Watak utama: Alias

- (a) seorang yang bertanggungjawab – contohnya, Alias mencari rezeki dengan mengambil upah memetik buah kelapa bersama-sama dengan Chot untuk menyara ibunya yang lumpuh
- (b) seorang yang sayang akan haiwan peliharaan – contohnya, Alias amat menyayangi Chot dan sanggup mencari haiwan peliharaannya itu di sekeliling kampung semasa Chot hilang
- (c) seorang yang tidak menyimpan dendam – contohnya, Alias menghulurkan tangan untuk bersalamansama Cikgu Sunan datang ke rumahnya walaupun cikgunya itu telah menyebabkan telinganya Bengkak dan bernanah

Novel Justeru Impian di Jaring

Watak utama: Syahir

- (a) seorang yang tabah menghadapi dugaan hidup – contohnya, sebelum bergelar juara dunia, Syahir telah menghadapi pelbagai rintangan seperti sikap pilih kasih pihak PBSM, cemuh daripada Engku Aiman, sindiran oleh Syed Amiri, dan sebagainya
- (b) seorang yang taat akan pesanan arwah ayahnya – contohnya, Syahir sentiasa ingat akan pesanan arwah ayahnya yang mengharapkan Syahir memberikan sumbangan kepada bangsa dan negara, serta memelihara syariat dalam bersukan
- (c) seorang yang penyayang – contohnya, Syahir kerap pulang ke Bandar Baru Bangi untuk menjenguk ibunya dan sempat melawat ibunya yang menghidap strok di hospital sebelum dia berangkat ke Jakarta

Novel Hempasan Ombak

Watak utama: Farid

- (a) seorang yang penyayang terhadap ahli keluarga – contohnya, Farid tidak mahu membebankan adik-beradiknya dalam memajukan syarikat
- (b) seorang yang bersikap rasional dalam mengambil tindakan – contohnya, Farid menyerahkan tanggungjawab memadamkan kebakaran yang berlaku di bengkel batik moden itu kepada pasukan bomba serta kakitangan Tenaga Nasional Berhad yang datang untuk memutuskan bekalan elektrik bagi mengelakkan kebakaran merebak ke seluruh bangunan
- (c) seorang yang bertanggungjawab – contohnya, Farid menjalankan tanggungjawabnya mengurus Syarikat Batik Nusantara dengan baiknya

Praktis 3

Novel Tawanan Komander Caucasus

- (a) berdikari – contohnya, walaupun Farhani merupakan seorang gadis, dia berusaha mencari kumbang di dusun milik datuknya bersama-sama dengan Mira dan Chea Mei tanpa meminta, bantuan sama ada daripada rakan lelaki sekelasnya, abangnya atau ayahnya
- (b) setia kawan – contohnya, Haikal, Devnath, dan Wei sanggup menanggung risiko untuk pergi menjelajah kehilangan Farhani di rumah usang pada waktu malam disebabkan sifat setia kawan yang tinggi dalam jiwa mereka
- (c) keberanian – contohnya, Dara Merah berani menyamar sebagai Dara Bintik untuk menundukkan Maharaja Caucasus yang gagah dan kuat walaupun Dara Merah hanyalah seekor kumbang betina

Novel Chot

- (a) kasih sayang – contohnya, walaupun Chot hanyalah seekor beruk, Alias sangat menyayanginya. Hal ini dapat dilihat apabila Alias sanggup datang lewat ke sekolah dan dimarahi oleh Cikgu Sunan demi mencari Chot yang hilang
- (b) keprihatinan – contohnya, Pak Din amat prihatin akan Alias yang menghadapi masalah kewangan. Oleh itu, dia tidak mahu mengupah orang lain untuk memetik buah kelapa di kebunnya kecuali Alias dan Chot
- (c) keinsafan – contohnya, Cikgu Sunan berasa insaf akan perbuatannya kerana memarahi Alias sehingga menyebabkan Alias terjatuh. Kesannya, telinga kanan Alias Bengkak dan bernanah

Novel Justeru Impian di Jaring

- (a) kegigihan – contohnya, Syahir dan rakan-rakannya dalam skuad kebangsaan telah berlatih sungguh-sungguh untuk mengharungi Kejohanan Terbuka Johor dan Kejohanan Dunia di Jakarta
- (b) kasih sayang – contohnya, Kak Uda sanggup menjaga emak yang menghidap strok dengan mengambil cuti kerana menyedari bahawa dia perlu menjaga ibunya yang sakit itu
- (c) ketegasan – contohnya, Syahir tetap dengan pendiriannya untuk menutup aurat semasa bermain badminton walaupun sesetengah pihak mengkritik tindakannya itu serta melabelkannya sebagai muslim yang konservatif

Novel Hempasan Ombak

- (a) kerajinan – contohnya, Farid rajin mengunjungi bengkel untuk memantau pekerjaan dan melihat proses penghasilan batik walaupun dia tidak mempunyai pengalaman dalam perniagaan
- (b) kerjasama – contohnya, sebagai pekerja yang telah lama berkhidmat di Syarikat Batik Nusantara, Tomsiah dan Nik Ramly banyak memberikan kerjasama kepada Farid yang baru sahaja mengambil alih syarikat itu setelah kematian Haji Badrul, iaitu bapa Farid
- (c) mengenang budi – contohnya, Mokhsein terhutang budi dengan Haji Badrul yang banyak mendidiknya dalam dunia perniagaan sehingga dia berjaya membuka syarikatnya

Praktis 4**Novel Tawanan Komander Caucasus**

- (a) teknik dialog – contohnya, perbualan antara Farhani dengan Dara Merah berkaitan rancangan mereka untuk melancarkan misi menyelamatkan Bara, Puteri Coleoptera, Haikal, Devnath, dan Wei yang menjadi tawanan Maharaja Caucasus dan tenteranya
- (b) teknik imbas kembali – contohnya, Farhani teringat kembali kisah Puteri Balqis dan kehebatan istananya sebagaimana yang pernah diceritakan oleh Ustazah Hamizah
- (c) teknik saspens – contohnya, pembaca tidak menyangka bahawa Haikal berani untuk menjelaki kehilangan Farhani di ruangan bawah tanah rumah usang itu pada waktu malam bersama-sama dengan Devnath dan Wei

Novel Chot

- (a) teknik dialog – contohnya, perbualan antara Alias dengan ibunya yang mengadu tentang Chot, iaitu beruk peliharaannya hilang ketika Alias ingin ke sekolah. Ibu Alias menasihatinya agar dia tidak risau akan kehilangan beruknya itu dan segera pergi ke sekolah sebelum terlewat
- (b) teknik imbas kembali – contohnya, Alias teringat semula tentang pesanan yang disampaikan oleh Som pada tiga hari lalu, iaitu Pak Din menyuruhnya memetik buah kelapa sebanyak yang mungkin
- (c) teknik saspens – contohnya, peristiwa seekor beruk yang telah ditembak mati kerana merosakkan kebun pisang Budin. Badan Alias menjadi lemah kerana menyangkakan beruk yang ditembak itu ialah Chot. Pembaca tertanya-tanya sama ada beruk yang ditembak itu Chot ataupun bukan

Novel Justeru Impian di Jaring

- (a) teknik dialog – contohnya, perbualan antara Syahir dengan Azmie. Syahir meminta rakan baiknya itu agar tidak menulis perkara yang tidak sepatutnya dalam Mingguan Riadah itu nanti
- (b) teknik monolog – contohnya, Syahir bermonolog mempertikaikan kemenangan Syed Amiri dalam Kejohanan Terbuka Johor adalah kerana pengadil perlawanan turut bersekongkol untuk memberikan kemenangan kepada Syed Amiri
- (c) teknik saspens – contohnya, semasa pertarungan antara Syahir dengan Syed Amiri, pembaca bertanya-tanya pemain yang akan memenangi perlawanan badminton tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana pertarungan antara mereka sangat sengit, ditambah pula dengan beberapa keputusan pengadil yang berat sebelah.

Novel Hempasan Ombak

- (a) teknik dialog – contohnya, perbualan antara Farid dengan Tomsiah mengenai kedudukan kewangan Syarikat Batik Nusantara yang kurang memberangsangkan pada waktu itu
- (b) teknik monolog – contohnya, Farid bermonolog sendiri apabila memikirkan tanggungjawab besar yang perlu dilaksanakan setelah dia dilantik untuk menerajui Syarikat Batik Nusantara yang sedang berhadapan dengan masalah kewangan
- (c) teknik imbas kembali – contohnya, Lotfi teringat kembali peristiwa sewaktu dia normal dan berusia sembilan tahun, dia sering mengikuti bapanya, Haji Badrul mengantar batik keluaran syarikatnya ke serata tempat, termasuklah bandar-bandar besar di pantai barat dengan menaiki kereta Peugeot bapanya itu

Praktis 5**Novel Tawanan Komander Caucasus**

- (a) rumah Kim Yong – contohnya, tempat Farhani dan rakan-rakannya menziarahi ibu Kim Yong, iaitu Puan Lee untuk melahirkan rasa simpati dan berkongsi kesedihan atas kehilangan Kim Yong secara tiba-tiba
- (b) pinggir dusun datuk Farhani – contohnya, tempat Farhani menunggu kedatangan dua orang rakannya, Mira dan Chea Mei yang akan bersama-sama mencari kumbang
- (c) Mahligai Maharaja Caucasus – contohnya, tempat Haikal, Devnath, dan Wei dibawa oleh tentera kumbang Caucasus sebagai orang tawanan selain daripada Bara dan Puteri Coleoptera

Novel Chot

- (a) pokok langsat – contohnya, tempat Alias mengikat Chot, iaitu beruk peliharaannya. Alias juga telah membuat rumah kecil daripada kotak sabun di atas pokok langsat tersebut sebagai tempat untuk Chot berteduh daripada hujan dan panas.
- (b) Kampung Dingin – contohnya, kampung Alias dan Som tinggal, iaitu sebuah kampung yang masih mundur tanpa adanya pembangunan
- (c) kebun kelapa Pak Din – contohnya, Alias mencari rezeki di kebun itu sebagai pemetik buah kelapa bersama-sama dengan Chot

Novel Justeru Impian di Jaring

- (a) gelanggang latihan badminton – contohnya, skuad badminton kebangsaan sedang menjalani latihan di bawah kendalian Haji Marzuki, Engku Aiman, dan Mas Suparman sebagai persediaan awal sebelum Kejohanan Terbuka Johor dan Kejohanan Dunia di Jakarta
- (b) Taman Shamelin Perkasa – contohnya, pejabat rakan Syahir, iaitu Azmie yang merupakan seorang wartawan terletak di Taman Shamelin Perkasa. Di sana juga Syahir telah didatangi oleh empat orang gadis dan Ratna iaitu, juara program Akademi Impiana.
- (c) Stadium Badminton Istora Senayan/Gelora Bung Karno – contohnya, gelanggang pertemuan dalam Kejohanan Terbuka Dunia di Jakarta. Di sinilah Syahir telah melakarkan nama sebagai juara dunia apabila berjaya mengalahkan Andri Minarwan.

Novel *Hempasan Ombak*

- (a) Pejabat Syarikat Batik Nusantara – contohnya, tempat Farid mempelajari selok-belok perniagaan batik daripada dua orang kakitangan syarikat yang berpengalaman, iaitu Tomsiah dan Nik Ramly
- (b) gerai di bazar MARA di Jalan Banggol – contohnya, Zuraida bermula menjual pakaian sejak tujuh tahun lalu di gerai bazar MARA
- (c) pekarangan rumah keluarga Farid – contohnya, tempat berlangsungnya perasmian bengkel baharu Syarikat Batik Nusantara yang dirasmikan oleh Mokhsein dengan dihadiri oleh 200 orang penduduk Kampung Losong

Praktis 6

Novel *Tawanan Komander Caucasus*

- (a) kita hendaklah gigih menempuh sebarang cabaran dan rintangan – contohnya, Farhani gigih berdepan dengan berbagai-bagai cabaran seperti peristiwa dia terpaksa menyelamatkan diri daripada menjadi orang tawanan tentera Caucasus dan peristiwa dia dan empat orang sahabatnya yang gigih berikhtiar untuk pulang ke pangkuan keluarga masing-masing dengan selamatnya
- (b) kita hendaklah rajin membuat rujukan sebagai persediaan awal menghadapi satu-satu tugas – contohnya, Farhani rajin mencari maklumat berkaitan dengan spesies kumbang melalui laman sesawang sebagai persediaan awal untuk memudahkan tugasannya mengenal pasti kepelbagaiannya spesies kumbang tersebut kelak
- (c) kita hendaklah mencintai budaya dan warisan bangsa sepenuh hati – contohnya, nenek Chea Mei sangat berbangga akan dirinya yang berketurunan baba dan nyonya. Dia mahir dalam ilmu sulaman dan sentiasa memakai pakaian tradisional yang diadaptasi daripada pakaian Melayu, iaitu kebaya nyonya

Novel *Chot*

- (a) kita mestilah mengamalkan sikap saling menyayangi sesama makhluk – contohnya, Alias amat sayang akan beruk peliharaannya, iaitu Chot sehingga dia sanggup datang lewat ke sekolah kerana mencari Chot yang hilang
- (b) kita hendaklah mengutamakan pendidikan dalam kehidupan – contohnya, ibu Alias mahu anaknya lebih mengutamakan pelajaran walaupun menyedari Alias perlu memetik buah kelapa untuk menyara kehidupan mereka
- (c) kita janganlah menyimpan perasaan dendam – contohnya, Alias tidak pernah berdendam dengan Cikgu Sunan walaupun telinganya bengkok dan menahan akibat terjatuh kerana dimarahi oleh Cikgu Sunan. Alias tetap menghulurkan tangan untuk bersalamans dengan Cikgu Sunan semasa cikgunya itu datang ke rumahnya

Novel *Justeru Impian di Jaring*

- (a) kita hendaklah berfikiran positif terhadap sesuatu perkara – contohnya, Syahir hanya tersenyum dan mengambil positif terhadap kritikan Engku Aiman yang mempertikaikan permainannya yang dikatakan agak lembap, kelam-kabut, dan mudah terikut-ikut akan rentak lawan
- (b) kita tidak seharusnya memandang rendah terhadap orang lain – contohnya, Engku Aiman dan Syed Amiri telah memandang rendah akan keupayaan Syahir untuk mara ke Kejohanan Dunia di Jakarta
- (c) kita tidak seharusnya bersikap pilih kasih dalam kehidupan – contohnya, Engku Aiman menganggap Syed Amiri sebagai anak emas dan sentiasa memuji keupayaan pemain itu manakala pemain-pemain badminton yang lain dianggap tidak sehebat Syed Amiri, terutamanya Syahir

Novel *Hempasan Ombak*

- (a) kita hendaklah berani menanggung risiko untuk memajukan perniagaan – contohnya, Farid berani menanggung risiko untuk mengembangkan pemasaran syarikat batiknya dengan membina bengkel tambahan baharu yang bermodalkan sebanyak RM75 ribu

- (b) kita mestilah berbuat baik dan patuh kepada ibu dan bapa – contohnya, sebagai seorang anak, Farid mengamalkan sikap berbudi bahasa dan patuh kepada ibunya, Hajah Zaoyah
- (c) kita mestilah mengamalkan sikap hormat-menghormati agar hubungan harmoni sesama pekerja dapat dikekalkan – contohnya, Farid selaku pengurus Syarikat Batik Nusantara dan para pekerjanya seramai 57 orang menghormati antara satu dengan yang lain ketika sama-sama memajukan perusahaan batik di syarikat itu

TOPIK 4: Ulasan dan Ringkasan

Modul PP Praktis PT3

Praktis 1

Rajah tersebut menunjukkan maklumat yang Pulau Tioman sebagai salah satu destinasi pelancongan menarik di Malaysia. Berdasarkan maklumat dalam rajah tersebut, Pulau Tioman merupakan pulau terbesar di pantai timur Semenanjung Malaysia. Pantainya berpasir halus, bersih, dan air lautnya jernih serta hutannya masih belum tercemar. Hal ini menyebabkan pulau tersebut dikunjungi oleh pelancong dari seluruh pelosok dunia terutamanya bagi yang meminati aktiviti menyelam scuba. Selain itu, pulau yang pernah dinobatkan sebagai pulau tercantik di dunia ini mudah untuk dikunjungi kerana mempunyai pengangkutan udara. Pulau ini begitu istimewa kerana mampu menjadi aset pelancongan yang sangat berharga kepada negara kita. Konklusinya, marilah kita menjaga khazanah alam yang indah ini agar dapat diwarisi oleh generasi yang akan datang.

Praktis 2

Rajah menunjukkan peratusan penggunaan Internet dalam kalangan masyarakat Malaysia pada tahun 2018. Sebanyak 30.5 peratus masyarakat melayari Internet untuk mencari maklumat. Antara maklumat yang dicari termasuklah yang berkaitan dengan isu-isu semasa, sukan, hobi, dan sebagainya. Selain itu, 24.5 peratus masyarakat melayari Internet untuk berkomunikasi. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui Internet, masyarakat dapat berkomunikasi dengan anggota keluarga, saudara-mara, dan rakan-rakan yang berada di seluruh pelosok dunia. Jumlah masyarakat yang melayari Internet untuk mendapatkan hiburan pula berjumlah 16.4 peratus. Seterusnya, 12.6 peratus masyarakat melayari Internet untuk tujuan pembelajaran, 10.2 peratus masyarakat melayari Internet untuk tujuan perniagaan, dan 5.8 peratus masyarakat melayari Internet untuk tujuan-tujuan lain. Kesimpulannya, masyarakat perlulah menggunakan kemudahan Internet secara bijak untuk membendung masalah penyalahgunaan Internet dalam kalangan masyarakat yang semakin menjadi-jadi.

Praktis 3

Gambar menunjukkan langkah-langkah mengelakkan kejadian banjir kilat. Antara langkah yang dapat kita ambil termasuklah membina benteng penghalang hakisan tanah di tepi sungai. Selain itu, kita perlulah mengawal aktiviti penebangan pokok kerana pokok berfungsi untuk menyerap air hujan yang turun ke bumi. Seterusnya, kita perlulah membersihkan sungai dengan mengutip sampah yang dibuang ke dalam sungai. Langkah ini penting kerana sampah tersebut menyebabkan air sungai tidak dapat mengalir dengan lancarnya. Akhir sekali, kita haruslah memperdalam sungai agar dapat menampung jumlah air yang lebih banyak. Intinya, semua pihak perlulah bekerjasama dalam usaha membendung kejadian banjir kilat di negara kita. Jika semua pihak sanggup menggembungkan tenaga, kejadian banjir kilat akan dapat dibendung dan tidak akan berlaku secara kerap seperti sekarang ini.

Praktis 4

Antara cara untuk membudayakan amalan berbasikal dalam kalangan masyarakat termasuklah menggunakan basikal untuk bersenam. Aktiviti berbasikal dapat dilakukan secara santai untuk berekreasi atau menenangkan fikiran juga. Selain itu, aktiviti berbasikal dapat digunakan oleh skuad rondaan Kelab Rukun Tetangga untuk menjalankan operasi pada waktu malam di kawasan desa atau di taman perumahan penduduk. Di samping

itu, rakyat di negara kita disarankan supaya mengamalkan aktiviti berbasikal untuk ke tempat kerja sekiranya jarak tidak terlalu jauh. Seterusnya, para pelajar yang tinggal di asrama tempat pengajian digalakkan menggunakan basikal untuk perjalanan ke fakulti mereka. Pihak kerajaan perlu bertindak secara serius untuk menjalankan kempen berbasikal di seluruh pelosok negara. Akhir sekali, masyarakat perlu menanamkan minat untuk menggunakan basikal sebagai kendaraan utama bagi jarak perjalanan kurang daripada lima kilometer dari rumah mereka.

Praktis 5

Peranan ibu bapa dalam memanfaatkan cuti anak-anak adalah dengan pulang ke kampung menziarahi sanak-saudara bagi mengeratkan hubungan silaturahim. Dalam masa yang sama, ibu bapa perlu mengatur jadual kelas tambahan yang sesuai. Selain itu, ibu bapa boleh mengatur program yang bermanfaat untuk mengembangkan bakat dan hobi anak-anak. Seterusnya, ibu bapa mengadakan aktiviti seperti bergotong-royong, berkebun, dan membersihkan persekitaran rumah bersama-sama dengan anak-anak. Di samping itu, ibu bapa digalakkan supaya menghantar anak-anak mengikuti program-program semasa cuti persekolahan juga. Akhir sekali, aktiviti melancong ke tempat-tempat yang menarik dapat dilakukan oleh ibu bapa untuk anak-anak semasa cuti sekolah.

Praktis 6

Antara kepentingan bioteknologi dalam kehidupan manusia termasuklah bioteknologi diperluas kepada teknologi yang lebih tinggi untuk menghasilkan pelbagai produk dalam pelbagai sektor. Bioteknologi dapat membantu meningkatkan hasil pertanian juga. Selain itu, dari segi alam sekitar, bioteknologi membolehkan para petani mengawal penggunaan racun serangga secara berlebihan. Di samping itu, bioteknologi dapat menghasilkan makanan yang membantu untuk mempertingkatkan tahap kesihatan manusia. Seterusnya, hasil perkembangan bioteknologi dalam bidang perubatan, insulin pesakit kencing manis dapat dihasilkan juga. Akhir sekali, para saintis dapat merawat bahan-bahan yang berbahaya dan bertoksik tanpa mencemarkan alam sekitar melalui bioteknologi.

TOPIK 5: Penulisan

Modul PP Praktis PT3

Bahagian A

Praktis 1

Saya memilih pakej percutian di bawah pengurusan agensi pelancongan. Alasan saya kerana semua atur cara telah diaturkan oleh pihak agensi pelancongan. Jadi saya tidak perlu mengaturkan program lawatan itu sendiri. Seperkara lagi, Pulau Redang merupakan pulau tercantik di Malaysia. Tambahan pula, terumbu karang dan hidupan laut yang terdapat di pulau ini masih terpelihara juga. Oleh itu, dengan adanya khidmat jurulatih selam skuba yang disediakan oleh pihak agensi, saya akan berpeluang untuk melakukan aktiviti tersebut. Saya akan mendapat penerangan yang jelas juga tentang teknik menyelam skuba yang betul. Harga yang ditawarkan oleh agensi pelancongan tersebut memang agak tinggi tetapi sungguh berbaloi dengan kemudahan penginapan yang disediakan, iaitu di hotel bertaraf empat bintang.

Praktis 2

Pada pendapat saya, jika kita mempunyai akaun laman sosial di Internet banyak kelebihannya kerana kita dapat berkongsi ilmu pengetahuan dengan rakan-rakan laman sosial tersebut. Sebagai contoh, kita dapat saling bertukar pengetahuan tentang sesuatu yang berkaitan dengan pelajaran, perkembangan hidup, isu-isu semasa, dan lain-lain lagi. Selain itu, laman sosial dapat mengeratkan hubungan silaturahim. Kita dapat menjalinkan persahabatan dengan sesiapa sahaja dari seluruh pelosok dunia. Secara tidak langsung, kita dapat menambah kenalan yang terdiri daripada pelbagai bangsa dari serata dunia. Sekiranya kita bermintat untuk menjalankan perniagaan secara dalam talian, kita dapat mempromosikan produk kita melalui laman sosial juga. Pendek kata, dengan adanya akaun laman sosial di Internet ada kebaikan

dan keburukannya. Semuanya bergantung kepada kita untuk menentukan kegunaannya. Tepuk dada, tanya selera.

Praktis 3

Kawan-kawan, Cikgu Wardina meminta saya menyampaikan pesanan beliau tentang langkah-langkah keselamatan semasa pulang dari sekolah. Beliau berpesan supaya kalian mematuhi arahan daripada warden trafik ketika hendak melintas jalan. Cikgu Wardina berpesan kepada murid-murid yang menaiki basikal, kalian hendaklah menunggang basikal dengan cermatnya. Selain itu, beliau berpesan kepada murid-murid yang menunggu ibu atau bapa datang menjemput kalian pula hendaklah menunggu di pondok yang disediakan dan sentiasa peka terhadap persekitaran. Seterusnya, bagi kalian yang menaiki bas sekolah, kalian hendaklah mematuhi peraturan ketika naik dan turun dari bas sekolah.

Praktis 4

- 1 Melayu
- 2 oleh
- 3 badan
- 4 mengawasi
- 5 dan
- 6 mempertahankan
- 7 mendisiplinkan
- 8 menerapkan
- 9 cergas
- 10 mengisi

Praktis 5

- 1 dapat
- 2 bumi
- 3 sempadan
- 4 bila-bila
- 5 berada
- 6 meningkatkan
- 7 baik
- 8 projek
- 9 perubahan
- 10 menyeluruh

Bahagian B

Praktis 1: Karangan Jenis Fakta

Soalan 2

Rangka Karangan

Pendahuluan

maksud kebersihan – keadaan yang bersih dari segi tubuh badan dan persekitaran

Isi-isi Penting

- (a) pentingnya kebersihan – supaya kebersihan terjamin
- (b) supaya agen pembawa kuman tidak dapat hidup dan membiak
- (c) supaya keadaan alam sekitar cantik, udara nyaman, dan kehidupan menjadi selesa
- (d) kebersihan yang perlu dijaga – tubuh badan, pakaian, makanan, persekitaran – pelbagai cara

Penutup

kesedaran tentang pentingnya menjaga kebersihan – rakyat sihat negara maju

Praktis 2: Karangan Jenis Perbincangan/Pendapat

Soalan 2

Rangka Karangan

Pendahuluan

pengkuatkuasaan kawasan larangan merokok – membabitkan tempat kerja sektor swasta yang mempunyai sistem pendingin hawa berpusat

Isi-isi Penting

- (a) menubuhkan jawatankuasa khas keselamatan dan kesihatan – memantau dan mengawasi pengkuatkuasaan peraturan dalam kalangan pekerja swasta
- (b) keberkesanan langkah ini bergantung kepada majikan –

- pelaksanaan peraturan yang tegas – larangan merokok dalam kawasan pejabat terhadap pekerja – tindakan tatatertib
- (c) penguasaan zon larangan merokok ini dapat memelihara tahap kesihatan pekerja wanita – sihat dan produktif – persekitaran tempat kerja yang selamat dan selesa
 - (d) melindungi pekerja swasta yang tidak merokok daripada asap rokok – mencegah risiko menghidap penyakit kronik

Penutup

langkah ini perlu diperluas ke semua tempat – di sekolah, di tempat awam, di dalam kenderaan awam, dan sebagainya – mengenakan hukuman yang berat terhadap mereka yang melanggarinya

Praktis 3: Karangan Jenis Perbualan/Dialog

Soalan 2

Rangka Karangan

Pendahuluan

memberikan salam – bertanyakan khabar

Isi-isi Penting

- (a) masalah ponteng sekolah kerap berlaku – di luar kawalan ibu bapa – patut mengambil tahu tentang anak masing-masing
- (b) pemantauan berterusan oleh pihak sekolah – merotan murid yang ponteng – menghubungi ibu bapa mereka dengan segeranya – tindakan kaunseling
- (c) peranan masyarakat – melaporkan kejadian ponteng kepada pihak sekolah – menegur murid yang ponteng
- (d) murid perlu tahu tentang matlamat datang ke sekolah – murid yang tiada arah tujuan selalu ponteng – kenal pasti masalah murid

Penutup

kerjasama semua pihak – demi melahirkan generasi yang baik

Praktis 4: Karangan Jenis Wawancara

Soalan 2

Rangka Karangan

Pendahuluan

memperkenalkan diri – mengucapkan terima kasih kerana sudi meluangkan masa untuk diwawancara – menyatakan tujuan wawancara itu diadakan

Isi-isi Penting

- (a) menceritakan latar belakang dan pendidikan tokoh tersebut – menyambung pengajian hingga peringkat Doktor Falsafah
- (b) menyebut hasil kerja beliau – kertas kerja dan buku rujukan untuk murid-murid – dapat dimanfaatkan oleh murid-murid
- (c) menceritakan pelibatan beliau dalam bidang pendidikan – cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan tanggungjawab
- (d) menceritakan kejayaan beliau sepanjang berkhidmat sebagai pendidik – berasa gembira kerana dapat berbakti kepada masyarakat dan negara

Penutup

harapan agar beliau meneruskan kehidupan dengan lebih bahagia selepas bersara – dapat berehat – mengucapkan terima kasih kerana menjayakan sesi wawancara

Praktis 5: Karangan Jenis Keperihalan

Soalan 2

Rangka Karangan

Pendahuluan

pergi ke sebuah pasar raya – menaiki lif untuk ke tingkat atas pasar raya tersebut – terperangkap di dalam – lif itu tersekat – tidak bergerak

Isi-isi Penting

- (a) menekan butang kecemasan yang terdapat di dalam lif tersebut – berharap agar ada pihak yang akan datang dan menghulurkan bantuan
- (b) berasa amat takut – bimbang akan lemas di dalam lif tersebut – tidak putus-putus berdoa agar selamat
- (c) 10 minit berlalu – lif itu mula bergerak turun dengan perlahan-

lahan – petanda yang baik – berharap agar dapat keluar dari lif itu dengan segeranya

- (d) berdebar-debar – tiba di tingkat paling bawah – pintu lif itu terbuka – kelihatan dua orang pekerja di hadapan pintu lif – membaiki lif tersebut

Penutup

bersyukur kerana terselamat daripada sebarang kejadian yang tidak diingini – pengalaman tersebut tidak akan dilupakan sampai bila-bila

Praktis 6: Karangan Jenis Cerita

Soalan 2

Rangka Karangan

Pendahuluan

sudah lama aku tidak pulang menjenguk nenek di kampung – ibu dan ayah terlalu sibuk dengan urusan pekerjaan

Isi-isi Penting

- (a) ketika aku dan abang bersiap-siap hendak ke sekolah, ibu menerima panggilan telefon dari kampung – nenek terjatuh di bilik air
- (b) nenek cuma cedera ringan – kami akan pulang ke kampung petang nanti selepas ayah selesai menghadiri mesyuarat penting
- (c) guru kelas memberitahuku bahawa ayah dan ibuku ingin bertemu di bilik guru – nenek semakin uzur
- (d) sepanjang perjalanan, ibu menangis – setibanya di rumah nenek, nenek telah pun meninggal dunia setengah jam yang lalu

Penutup

(seperti yang disediakan)

Praktis 7: Karangan Jenis Rencana

Soalan 2

Rangka Karangan

Pendahuluan

statistik menunjukkan bahawa kadar kemalangan di jalan raya di negara kita adalah antara yang tertinggi di dunia – amat membimbangkan

Isi-isi Penting

- (a) pemandu tidak mematuhi peraturan jalan raya – memandu kenderaan dengan lajunya – had laju kenderaan tidak dipatuhi, terutamanya oleh pemandu kenderaan berat – memotong kenderaan lain sesuka hati
- (b) memandu kenderaan terlalu laju – ingin cepat sampai ke tempat yang dituju – mementingkan diri – kurang berhati-hati ketika memandu kenderaan
- (c) menganggap jalan raya sebagai medan perlumbaan – ingin menunjuk-nunjuk kehebatan mereka ketika memandu kenderaan – berlumba motosikal secara haram
- (d) kerosakan pada kenderaan – brek kurang mencengkam – tayar kenderaan botak – lampu isyarat tidak berfungsi dengan baiknya – kenderaan sukar dikawal
- (e) kenderaan di jalan raya terlalu banyak – kesesakan teruk menyebabkan tekanan – pemandu penat – mudah hilang sabar dan hilang tumpuan

Penutup

para pemandu mengutamakan keselamatan – undang-undang jalan raya perlu diperketat – mengadakan kempen-kempen keselamatan di jalan raya secara berterusan

Praktis 8: Karangan Jenis Laporan

Soalan 2

Rangka Karangan

Pendahuluan

tajuk laporan – pengajian lawatan – tarikh lawatan – masa dan tempat lawatan

Isi-isi Penting

- (a) matlamat lawatan diadakan – memupuk perasaan simpati terhadap anak-anak yatim – memahami jiwa dan permasalahan mereka
- (b) berkenal-kenalan dengan semua penghuni rumah kebajikan itu – bertukar-tukar pengalaman dan pandangan tentang pelbagai perkara

- (c) memberikan sumbangan derma – berbentuk wang, pakaian, makanan, dan peralatan pendidikan – dapat meringankan beban mereka
- (d) aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan persekitaran rumah anak-anak yatim itu – saling bekerjasama – menjadikan suasana rumah anak-anak yatim itu ceria

Penutup
berasa gembira kerana lawatan yang diadakan telah mencapai matlamatnya – bertolak pulang – pengakuan pelapor – tandatangan – nama dan jawatan – tarikh laporan

Praktis 9: Karangan Jenis Berita

Soalan 2

Rangka Karangan

Pendahuluan

tempat operasi dan hari – operasi menangani gejala ponteng sekolah – di kompleks beli-belah, di pusat permainan video, di kafe siber, dan di pusat permainan snuker

Isi-isi Penting

- (a) disertai oleh pihak polis, PIBG, dan guru-guru badan disiplin sekolah – menyerbu pusat permainan video – membuat tinjauan di pusat permainan snuker dan kafe siber – mengintip pergerakan murid di pusat beli-belah
- (b) murid memakai pakaian seragam sekolah – berkeliaran pada waktu persekolahan – merokok dan berkelakuan kurang sopan
- (c) tujuan operasi pemutihan bersepadau – membanteras gejala ponteng sekolah – menangani masalah salah laku dalam kalangan murid
- (d) murid yang ditahan diserahkan kepada pihak sekolah – ibu bapa murid terbabit dipanggil – mencari pendekatan yang berkesan

Penutup
murid diberi amaran keras – dinasihat agar tidak terjebak dalam gejala ponteng sekolah – perlu sedar akan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai murid

Praktis 10: Karangan Surat Kiriman Tidak Rasmi

Soalan 2

Rangka Karangan

Pendahuluan

bertanyakan khabar sahabat – menyatakan khabar diri

Isi-isi Penting

- (a) menyambung pelajaran di sekolah menengah berasrama penuh – sekolah ini terletak di pinggir bandar – bekas maktab perguruan – kemudahan prasarana pendidikannya berkelas dunia
- (b) sekolah berstatus elit yang terbaik di negeri Terengganu – para pendidiknya terdiri daripada guru pakar dan guru cemerlang – komited dan arif
- (c) sistem pembelajaran – cekap dan efisien – wajib mematuhi jadual pembelajaran harian – kemudahan asrama disediakan
- (d) aspek kurikulum – anggota pasukan pancaragam – ketua pasukan hoki sekolah

Penutup
semoga bertemu lagi – warkah yang akan datang – jauh di mata, dekat di hati

Praktis 11: Karangan Surat Kiriman Rasmi

Soalan 2

Rangka Karangan

Pendahuluan

alamat pengirim – alamat penerima – tarikh surat ditulis – perkara surat – menyatakan tujuan menulis surat

Isi-isi Penting

- (a) pihak sekolah perlu mengambil inisiatif untuk memperbesar perpustakaan sekolah – lebih luas dan selesa – menceriakan persekitaran perpustakaan
- (b) menambah bahan bacaan – pelbagai jenis bahan bacaan yang

- akan memberikan manfaat kepada murid-murid – meminta sumbangan daripada pihak tertentu
- (c) membeli peralatan yang sesuai untuk menjamin keselesaan murid-murid – meja, kerusi, dan rak buku – penambahbaikan sistem pengurusan
- (d) menyediakan kemudahan yang lebih selesa – alat pendingin hawa – mewujudkan suasana yang selesa dan ceria di perpustakaan

Penutup
mengucapkan terima kasih atas perhatian yang diberikan – amat menghargainya – tandatangan dan nama lengkap penulis surat

Praktis 12: Karangan Jenis Ucapan/Syarahan/Ceramah

Soalan 2

Rangka Karangan

Pendahuluan

kata alu-aluan kepada Tuan Pengetua, para hakim, guru-guru, dan rakan-rakan – menyatakan tajuk syarahan

Isi-isi Penting

- (a) budi bahasa ialah amalan yang mulia – mempunyai hubungan yang rapat dengan perasaan, kelakuan, dan tutur kata – melahirkan perasaan kasih sayang
- (b) amalan mulia ini perlu diperaktikkan dalam kehidupan seharian – melahirkan masyarakat yang harmoni dan saling memahami
- (c) budi bahasa mempunyai nilai yang tinggi – seseorang itu akan dihormati dan disanjung sekiranya memiliki budi bahasa yang luhur
- (d) kita perlu berbudi bahasa terhadap semua orang terutama orang yang lebih tua daripada kita – amalan nilai murni ini dapat membentuk seseorang agar lebih beretika, bersahsiah tinggi, dan bermoral

Penutup
budi bahasa perlu dihayati – seruan agar terus memupuk amalan budi bahasa dalam kehidupan – mengakhiri syarahan – mengucapkan terima kasih

NOTA GRAFIK KOMSAS

Antologi “Bintang Hati”

Puisi Tradisional

1 Syair Burung Nuri

Maksud

- Rangkap 1** – hina
- Rangkap 2** – miskin
- Rangkap 3** – maaf
- Rangkap 4** – kecewa
- Rangkap 5** – terurus
- Rangkap 6** – hancur
- Rangkap 7** – waras

Tema dan Persoalan

Tema:

kehidupan

Persoalan:

memiliki; mengawal; merosakkan; tindakan

Bentuk dan Ciri-ciri Syair

8; 4; maksud; 6; 10; terikat

Gaya Bahasa dan Unsur Bunyi

Aliterasi; Repetisi; Simile

Nilai dan Pengajaran

Nilai

insaf; Merendah diri; bersikap; berputus asa; Rasional; mengikut

2 Seloka Santap Istiadat

Maksud

- Rangkap 1** – tetamu; tatacara
- Rangkap 2** – kanan; gelojoh
- Rangkap 3** – tangan; buah-buahan

<p>Rangkap 4 – sirih; seri Rangkap 5 – santap</p> <p>Tema dan Persoalan Tema: tertib</p> <p>Persoalan: menjamu; majlis; kesopanan; beradab</p> <p>Bentuk dan Ciri-ciri Syair 5; 7; 2; 14</p> <p>Gaya Bahasa dan Unsur Bunyi Aliterasi; Anafora; Metafora; Personifikasi</p> <p>Nilai dan Pengajaran beradab; Kepatuhan; peraturan; majlis; Kesederhanaan; berlebihan</p> <p>Sajak</p> <p>1 Kijang yang Lelah Maksud Rangkap 1 – gagah Rangkap 2 – sedih Rangkap 3 – terhalang Rangkap 4 – perjalannya; akal</p> <p>Tema dan Persoalan Tema: kijang</p> <p>Persoalan: hidup; berhati-hati; cabaran; hilang</p> <p>Nilai dan Pengajaran menghadapi; Kesungguhan; bertekad; Ketelitian; melakukan; tindakan</p> <p>2 Pesan Ibu Beribu-ribu Maksud Rangkap 1 – ibu Rangkap 2 – menjauhi; menimpah; kesihatan Rangkap 3 – ditinggalkan; penipu Rangkap 4 – mengabaikan; merindui Rangkap 5 – pesanan; tanggungjawab</p> <p>Gaya Bahasa dan Unsur Bunyi Anafora; Aliterasi; Repetisi</p> <p>Nilai dan Pengajaran Kepatuhan; mendengar; menunaikan; memilih; Kerajinan; menuntut</p> <p>3 Senja di Palang Besi Rangkap 1 – penjara Rangkap 2 – sayu Rangkap 3 – dipenjarakan; sunyi</p> <p>Tema dan Persoalan Tema: kesepian Persoalan: berpenghujung; kehidupan</p> <p>Gaya Bahasa dan Unsur Bunyi Responsi; Metafora; Asonansi</p> <p>Nilai dan Pengajaran Kebebasan; menghargai; Kepatuhan; undang-undang; Kebijaksanaan; terjebak</p> <p>4 Bintang Maksud Rangkap 1 – langit; bahagia Rangkap 2 – bercahaya; bintang</p>	<p>Tema dan Persoalan Tema: utuh</p> <p>Persoalan: mendalam; membahagiakan</p> <p>Gaya Bahasa dan Unsur Bunyi Anafora; Personifikasi; Aliterasi</p> <p>Nilai dan Pengajaran mengamalkan; Mengenang jasa; mengenang; membesarakan; Kejujuran; kebenaran</p> <p>Prosa Tradisional Bahagia Sesudah Derita Sinopsis mengelilingi; miskin; dimakan; mencari; dibuang; mengidam; meminta; mengidam; memberikan; melahirkan; tajau; menunaikan hutan; takdir; melahirkan</p> <p>Tema dan Persoalan Tema: tinggal</p> <p>Persoalan: menghadapi; memandang; terhadap; Kesetiaan</p> <p>Binaan Plot</p> <ul style="list-style-type: none"> • Permulaan: meminta • Perkembangan: dilempar; keputusan • Klimaks: nangka; emas; digelar • Peleraian: keramaian <p>Latar menjual; Puspa Sari; waktu malam; malam empat belas haribulan; miskin; kasih sayang; setia</p> <p>Gaya Bahasa Bahasa Arab; Repetisi</p> <p>Nilai dan Pengajaran mencapai; Ketaatan; suami; Baik Hati; hina</p> <p>Cerpen</p> <p>1 Legasi Tapai Ubi Sinopsis makanan; kotoran; jualan; perubatan; kanser; bakteria; antarabangsa; inspirasi; permintaan; alternatif</p> <p>Tema dan Persoalan Tema: penawar</p> <p>Persoalan ibu bapa; Ketelitian; kematian; Pengorbanan</p> <p>Watak dan Perwatakan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Parjo: Wak Salikon; Kedoktoran; universiti; melakukan; melupakan • Wak Salikon: Bapa; pekerjaan; pendidikan; perniagaannya; kerja <p>Binaan Plot</p> <ul style="list-style-type: none"> • Permulaan: tapai; rezeki • Perkembangan: rumit; dimakan; menjejakkan • Klimaks: mengurangkan; mendapat • Peleraian: pensyarah; pencegah; kilang <p>Gaya Bahasa sains; Peribahasa; Sinkope</p> <p>Latar</p> <ul style="list-style-type: none"> • Latar Masa: permulaan semester • Latar Tempat: Kilang Perusahaan Tapai Salikon • Latar Masyarakat: berpandangan; mengenang
--	---

<p>Nilai dan Pengajaran mengharungi; Kerajinan; rajin; Kebijaksanaan; peluang; membesarakan</p>	<p>Tema dan Persoalan Tema golongan kelainan upaya</p>
<p>2 Sekeping Tanah</p>	<p>Persoalan utuh; ilmu; menjalankan</p>
<p>Sinopsis peninggalan; menetap; membangunkan; pinjaman; mendesaknya; merahsiakan; peguam; tundatangan; menerima; dideraskan; papan kenyataan; perkembangannya; tergamam; dipermainkan; meletakkan</p>	<p>Watak dan Perwatakan • Muzafar: Muzamir; pegawai; Permai Resort; keputusan; melakukan • Muzafar: Kelantan; buta; berkayak; matanya</p>
<p>Tema dan Persoalan Tema meletakkan</p>	<p>Gaya Bahasa Peribahasa; Sinkope; Bahasa Inggeris</p>
<p>Persoalan kesejahteraan; merancang; mengubah; menjayakan</p>	<p>Latar Latar Masa: empat hari tiga malam Latar Tempat: pekarangan Permai Resort Latar Masyarakat: melaksanakan; mencabar; maruah; bertanggungjawab</p>
<p>Watak dan Perwatakan • Hisyam/Hisyam bin Sulaiman: tiga beradik; bandar raya; arahan; Penyayang; amanah • Halimah: kedua; pengurus; bank; Berpengalaman; teliti; bersimpati</p>	<p>Nilai dan Pengajaran keputusan; Kegigihan; mempelajari; Kesabaran; menanamkan; Kerjasama; berpasukan</p>
<p>Binaan Plot • Permulaan: potensi • Perkembangan: membangunkan; bersepakat; • Klimaks: menyerahkan • Peleraian: menyerahkan; bercadang</p>	<p>NOVEL <i>Tawanan Komander Caucasus</i> Sinopsis kumbang; zoo mini; memperlekehkan; dusun; dijanjikan; usang; istana; manusia; menggulingkan; perkhemahan; besar; Farhani; sahabat; persembunyian; menumpaskan; membebaskan; ditabalkan; halimunan; kumbang bara</p>
<p>Nilai dan Pengajaran Kebijaksanaan; merancang; Hormat-menghormati; menghormati; menyayangi; Keberanian; risiko; Berhemah tinggi; menjalankan</p>	<p>Tema dan Persoalan Tema berbagai-bagai</p>
<p>3 Bawod Sinopsis melepas; lemas; diselamatkan; peperiksaan; mengekor; ditambat; anjing; memungut; RM10.00; berpesan; nangka; memasak; perbualan; tersadung</p>	<p>Persoalan manusia; warisan; nyawa; kesetiaan; tinggi</p>
<p>Tema dan Persoalan Tema manusia</p>	<p>Teknik Plot kepunyaan; Dialog; mengundang; dusun; Kejutan; tanah; menjelaki</p>
<p>Persoalan mengejar; penghalang; peliharaan; kesetiaan</p>	<p>Nilai dan Pengajaran Baik hati; baik hati; arahan; menyusun; Hormat-menghormati; menghormati</p>
<p>Watak dan Perwatakan • Beluntung: 12; dua; keputusan; pelajaran • Bawod: manusia; setia; penakut; sembelihan • Tuyog: kerbau; berendam; pantas</p>	<p>Chat mengharapkan; peninggalan; baik hati; rumit; bernanah; sayang; memetik; ganti rugi; lokasi; Cikgu Sunan; meronta-ronta; rezeki; hasratnya</p>
<p>Teknik Plot Dialog; Imbas Kembali; Kejutan</p>	<p>Watak dan Perwatakan • Alias: lumpuh; haiwan; berkorban • Chot: Alias; pendek; kotak; bijak; garang • Som: Anak bongsu; menyimpan; perasaan</p>
<p>Gaya Bahasa Simile; Repetisi; Peribahasa</p>	<p>Binaan Plot • Permulaan: air kopi; Tok Penghulu; Chot • Perkembangan: Chot; kampung; mengesan • Perumitan/Konflik: kelewatananya; mencari; bucu • Klimaks: pokok langsat; perut • Peleraian: universiti; bertekad</p>
<p>Nilai dan Pengajaran Kasih sayang; penyayang; kejayaan; Keberanian; memberikan; kejayaan</p>	<p>Latar • Latar Masa: waktu petang • Latar Tempat: kebun kelapa Pak Din • Latar Masyarakat: sayang; berdikari; pendidik; mementingkan</p>
<p>Drama Tenang-tengang Air di Tasik Sinopsis melatih; beban; hairan; bimbang; berpenglihatan; terbalik; pengalaman; keupayaannya; Johor; persamaannya; rakaman; anak tunggal; berpelukan</p>	<p>Nilai dan Pengajaran Nilai Kejujuran; Baik hati</p>

Pengajaran berlakunya; bertanggungjawab; mengamalkan; kesilapan	tujuh; komisen; RM75 ribu; marah; Masri; mencekik; mencurahkan; letupan; takdir; pembekal; menimba; penjara
Justeru Impian di Jaring	
Sinopsis Syahir; menyertai; melayakkan; kebangsaan; pilih kasih; membeli; cemas; kesihatan; sorakan; gagal; menelefon; strok; petunjuk; Jakarta; menewaskan; melangkah; hospital; dunia	
Tema dan Persoalan	
Tema bergelar	Tema memajukan
Persoalan pendapat; kasih; memandang; Kesabaran	Persoalan memajukan; Kegigihan; warisan; balasan
Teknik Plot Dialog; Saspons	Watak dan Perwatakan
Nilai Kegigihan; Ketegasan	<ul style="list-style-type: none"> • Farid: Syarikat Batik Nusantara; tindakan; masyarakat • Hajah Zaoyah: Balu; mengharungi; menanggung; berkurban
Pengajaran pendapat; teguh; seharusnya; mengelakkan	Latar
Hempasan Ombak	<ul style="list-style-type: none"> • Latar Tempat: Balai Polis Daerah Kuala Terengganu; Jalan Banggol • Latar Masa: waktu petang; lebih 20 tahun yang lalu • Latar Masyarakat: bertanggungjawab; bekerjasama; kerenah; cabaran
Sinopsis Farid; laku; menggerhanakan; menjual; bengkel; memonopoli;	Nilai Kasih sayang; Rasional; Kesabaran
	Pengajaran sederhana; kasih sayang; baik hati; semangat; tabah